



DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS

PENGGAL PERTAMA

MESYUARAT KETIGA

SHAH ALAM, 19 NOVEMBER 2013 [SELASA]

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Dato' Teng Chang Khim D.P.M.S.
(Sungai Pinang)

Y.B. Tuan Iskandar bin Abdul Samad (Chempaka)

Y.B. Puan Rodziah binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Sallehen bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Puan Dr. Halimah binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/I Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)

Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)
(Timbalan Speaker Dewan Negeri)

Y.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/I Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Amirudin bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Mohd Shafie bin Ngah (Bangi)

Y.B. Tuan Lee Chin Cheh (Kajang)

Y.B. Tuan Hasnul bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Teluk Datuk)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin bin Lias
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Datuk Abdul Shukur bin Haji Idrus
K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan bin Abd Aziz
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Tuan Sulaiman bin Abdul Razak
S.M.S., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Datuk Rosni binti Sohar
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Jakiran bin Jacomah
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Puan Halimatun Saadiyah binti Bohan
A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Kamarol Zaki bin Haji Abdul Malik P.J.K.
(Sungai Air Tawar)

Y.B. Tuan Budiman bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Mat Nadzari bin Ahmad Dahlan (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum bin Mohd Sharif (Dengkil)

TIDAK HADIR

Y.B. Dato' Haji Amiruddin bin Setro
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Y.B. Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

Y.B. Dato' Noordin bin Sulaiman, DPMS., SIS.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Puan Elya Marini binti Darmin
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)

Puan Noor Asdiana binti Abd Kadir
Ketua Penolong Setiausaha

Puan Mazian binti Manan
Penolong Setiausaha

Puan Noor Diana binti Razali
Penolong Setiausaha

Encik Zawawi bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha

Puan Siti Salina binti MUftar
Setiausaha Pejabat

Encik Ismail bin Habib
Bentara

Puan Hajah Noridah binti Abdullah
Encik Ahmad Hafizan bin Yusof
Pelapor Perbhasan

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

SETIAUSAHA DEWAN: *Bismillahi Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat bagi Mesyuarat Ketiga (Bajet) Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor Ketiga belas pada 19 November 2013 dimulakan dengan bacaan Doa.

I. DOA

II. PROKLAMASI

SETIAUSAHA DEWAN: OLEH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI AL-MARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ, DARJAH KERABAT (SELANGOR), DARJAH UTAMA SERI MAHKOTA NEGARA (D.M.N.), DARJAH KERABAT (TERENGGANU), DARJAH KERABAT (KELANTAN), DARJAH KERABAT (PERAK), DARJAH KERABAT (PERLIS), DARJAH KERABAT (NEGERI SEMBILAN), DARJAH KERABAT (KEDAH), DARJAH KERABAT (JOHOR), SERI PADUKA MAHKOTA SELANGOR (S.P.M.S.), DATO' SETIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH (S.S.I.S.), SERI PADUKA MAHKOTA JOHOR (S.P.M.J.), DENGAN KURNIA ALLAH, SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA.

BAHAWASANYA Fasal (1) Perkara LXX Bahagian Kedua, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959, memperuntukkan bahawa DULI YANG MAHA MULIA SULTAN hendaklah dari semasa ke semasa melalui Proklamasi yang disiarkan dalam *Warta* memanggil Dewan Negeri :

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, BETA, SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI AL-MARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ, DARJAH KERABAT (SELANGOR), DARJAH UTAMA SERI MAHKOTA NEGARA (D.M.N.), DARJAH KERABAT (TERENGGANU), DARJAH KERABAT (KELANTAN), DARJAH KERABAT (PERAK), DARJAH KERABAT (PERLIS), DARJAH KERABAT (NEGERI SEMBILAN), DARJAH KERABAT (KEDAH), DARJAH KERABAT (JOHOR), SERI PADUKA MAHKOTA SELANGOR (S.P.M.S.), DATO' SETIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH (S.S.I.S.), SERI PADUKA MAHKOTA JOHOR (S.P.M.J.), DENGAN KURNIA ALLAH, SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada BETA di bawah Perkara LXX Bahagian Kedua, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959, DENGAN INI MEMANGGIL Dewan Negeri untuk bermesyuarat dan menetapkan 19 November hingga 22 November 2013, 25 November hingga 29 November 2013 dan 02 Disember 2013 dan pukul 10.00 pagi kecuali hari Jumaat pukul 9.30 pagi, sebagai tarikh dan waktu bagi Mesyuarat Ketiga Penggal

Diperbuat Di Istana Alam Shah, Klang pada 14 hari bulan Oktober 2013

Dengan Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

TUAN SPEAKER: Salam Sejahtera dan Selamat Datang kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli EXCO, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negeri, Pegawai-pegawai Kerajaan dan para pemerhati sekalian. Bertemu lagi dalam Mesyuarat Ketiga Dewan Yang Mulia ini bagi Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor Yang Ketiga Belas. Tanpa melengahkan masa, saya mempersilakan Setiausaha Dewan untuk meneruskan Aturan Urusan Mesyuarat pada pagi ini.

III. MEMBENTANGKAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan urusan mesyuarat seterusnya. Membentangkan kertas-kertas mesyuarat:

- i. Kertas Mesyuarat Bilangan 4 Tahun 2013
 - Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan 2014/2013.
 - Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan Peruntukan Diraja Pindaan 2013.
 - Rang Undang-Undang Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Saraan Pindaan 2013.
- ii. Kertas Mesyuarat Bilangan 5 Tahun 2013
 - Anggaran Perbelanjaan Perbekalan 2014 dan Memorandum Perbendaharaan Mengenai Anggaran Perbelanjaan Perbekalan 2014 Kerajaan Negeri Selangor.
- iii. Kertas Mesyuarat Bilangan 6 Tahun 2013
 - Arahan MMKN Pada Elaun di mana yang diperuntukkan di Bawah Seksyen 5 Enakmen Anggota Pentadbiran Dan Ahli Dewan Negeri Saraan 1960 Enakmen No. 8 Tahun 1980.
- iv. Kertas Mesyuarat Bilangan 7 Tahun 2013
 - Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012.
- v. Kertas Mesyuarat Bilangan 8 Tahun 2013
 - Penyata Kewangan Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012.
- vi. Kertas Mesyuarat Bilangan 9 Tahun 2013
 - Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktivitinya Jabatan Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor bagi Tahun 2012 Siri I dan II.
- vii. Kertas Mesyuarat Bilangan 10 Tahun 2013
 - Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012.

- vii. Kertas Mesyuarat Bilangan 11 Tahun 2013
 - Penyata Kewangan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012.
- viii. Kertas Mesyuarat Bilangan 12 Tahun 2013
 - Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor bagi Tahun Berakhir 2010 dan 31 Disember 2011.
- ix. Kertas Mesyuarat Bilangan 12 Tahun 2013
- x. Kertas Mesyuarat Bilangan 13 Tahun 2013
 - Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012.
- xi. Kertas Mesyuarat Bilangan 14 Tahun 2013
 - Cadangan Pindaan kepada Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor
- xii. Kertas Mesyuarat Bilangan 15 Tahun 2013
 - Anggaran Perbelanjaan 2014 dan Perjawatan Selangor 2014.
- xiii. Kertas Mesyuarat Bilangan 16 Tahun 2013
 - Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor 2012 dan Penyata Perbelanjaan Projek Bekalan Air Pada Tahun 2012 melalui Sumber Pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bagi tujuan Projek Menaik taraf Longkang, Loji, Rawatan Air Sungai Selangor Fasa I, Perjanjian bertarikh 27 Disember 2011 Ke Dalam Kumpulan Wang Pembangunan Negeri Lampiran kepada Penyata Kewangan Negeri Selangor 2012.
- xiv. Kertas Mesyuarat Bilangan 17 Tahun 2013
 - Laporan Tahun 2012 Tabung Warisan Negeri Selangor
- xv. Kertas Mesyuarat Bilangan 18 Tahun 2013
 - Laporan Tahun 2012 Tabung Amanah Bencana Alam
- xvi. Kertas Mesyuarat Bilangan 19 Tahun 2013
 - Penyata Perbelanjaan Projek Bekalan Air Pada Tahun 2013 melalui Sumber Pinjaman Daripada Kerajaan Persekutuan. Perjanjian bertarikh

27 Disember 2011 dan 14 Disember 2012 ke dalam Kumpulan Wang Pembangunan Negeri.

- xvii. Kertas Mesyuarat Bilangan 20 Tahun 2013
- Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor bagi Tahun Berakhir 31 Disember 20
- xviii. Kertas Mesyuarat Bilangan 21 Tahun 2013
- Sijil Ketua Audit Negara dan Penyata Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012 Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor.
1. Majlis Bandaraya Shah Alam
 2. Majlis Bandaraya Petaling Jaya
 3. Majlis Perbandaran Klang
 4. Majlis Perbandaran Ampang Jaya
 5. Majlis Perbandaran Subang Jaya
 6. Majlis Perbandaran Selayang
 7. Majlis Perbandaran Kajang
 8. Majlis Perbandaran Sepang
 9. Majlis Daerah Kuala Selangor
 10. Majlis Daerah Hulu Selangor
 11. Majlis Daerah Kuala Langat dan
 12. Majlis Daerah Sabak Bernam
- xix. Kertas Mesyuarat Bilangan 22 Tahun 2013
- Laporan Tahunan 2012 Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor
- xx. Kertas Mesyuarat Bilangan 23 Tahun 2013
- Penyata Jawatankuasa Pilihan mengenai Agensi Badan Berkanun Dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JPABBAS)
- xxi. Kertas Mesyuarat Bilangan 24 Tahun 2013
- Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan
- xxii. Kertas Mesyuarat Bilangan 25 Tahun 2013
- Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pejabat Daerah dan Tanah (JP PADAT)

IV. PERTANYAAN-PERTANYAAN

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan Mesyuarat seterusnya. Pertanyaan-pertanyaan

TUAN SPEAKER: Baiklah sebelum saya meneruskan sesi pertanyaan, ingin saya mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, bahawa masa untuk Menteri Besar

dan Ahli-ahli EXCO memberi jawapan mulut kepada setiap pertanyaan adalah terhad kepada 3 minit. Masa untuk Ahli Yang Berhormat mengeluarkan pertanyaan tambahan dihadkan kepada 30 saat dan masa untuk Menteri Besar memberi jawapan mulut kepada pertanyaan tambahan adalah terhad kepada 3 minit. Soalan pertama ditolak. Di bawah Peraturan Tetap 23. Yang keduanya ADUN Bukit Gasing.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARTAN
(BUKIT GASING)**

TAJUK: HOSPITAL AWAM

2. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menyediakan satu tapak untuk pembinaan hospital di kawasan Petaling Jaya – Subang Jaya?
- b) Apakah tapak-tapak hospital awam yang telah disediakan tetapi belum dibina di Selangor?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Bukit Gasing, Tuan Speaker, soalan (a) Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Perancangan Negeri yang telah bermesyuarat pada April 2010 telah bersetuju meluluskan Draf Rancangan Tempatan Majlis Bandar Raya Petaling Jaya 2020 atau Draf Rancangan Tempatan PJ II termasuk keputusan menyediakan satu hospital di dalam kawasan MBPJ di bawah Rancangan Malaysia Ke-10. Laporan Draf Rancangan Tempatan PJ II ini telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada Ogos 2010. Dan sebuah tapak telah diwartakan pada 2011 iaitu pembinaan Hospital Awam di Petaling Jaya di tapak Kontena Nasional, Jalan Kelang Lama SS10 seluas 15 ekar. Untuk kawasan Subang Jaya, buat masa ini Kerajaan Negeri belum bercadang untuk menyediakan tapak bagi pembinaan hospital awam di Subang Jaya kerana telah pun wujud iaitu Hospital Serdang.

Bagi soalan kedua, terdapat 2 lagi tapak yang telah diwartakan untuk pembinaan hospital awam iaitu satu di Sepang dan satu lagi di Bangi. Ketiga-tiga projek ini adalah di bawah pelaksanaan RMKe-10. Selain daripada itu Hospital Tanjung Karang telah pun disempurnakan upacara pecah tanah pada awal 2013 dan cadangan seterusnya adalah pembinaan sebuah hospital awam di Kapar.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Ya Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Tuan Speaker. Tuan Speaker, saya ingin bertanya, tentang kerja-kerja pewartaan ini setelah selesainya kerja-kerja pewartaan ini adakah Kerajaan Negeri Selangor cuba untuk mendesak Kerajaan Persekutuan supaya

mempercepatkan kerja-kerja pembinaan hospital ini kerana selalunya walau pun Kerajaan Negeri cepat, dalam pewartaan tetapi akhirnya kita kena tunggu kelulusan daripada Kementerian Kesihatan baru hospital boleh dibina. Sekiranya tidak ada kelulusan maka hospital kita tidak akan berjalan. Jadi saya rasa di situ Kerajaan Negeri ada tanggungjawab untuk meminta, mendesak Kerajaan Persekutuan. Jadi apa kedudukan terkini.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Kampung Tunku. Kerajaan negeri kita sedang dalam perancangan untuk mendapatkan dana untuk pembinaan hospital Kapar dan tapaknya telah pun dikenal pasti dan insya-Allah satu hospital akan diwujudkan untuk Kapar.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Minta penjelasan.

TUAN SPEAKER: Ya, Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Soalan saya ialah apakah kerajaan akan melakukan apa-apa usul untuk mendesak kerajaan persekutuan untuk mempercepatkan pembinaan hospital itu dan apakah strategi yang akan kita pakai.

Y.B. PUAN DR. DORAYAH BINTI ALWI: Ok. Untuk mendesak pihak kerajaan pusat, kerajaan negeri diminta untuk menyediakan tapak seluas 50 ekar jadi kita pihak kerajaan negeri telah pun mengenal pasti tapak tersebut dan kerajaan pusat akan memberikan dana tersebut untuk pembinaan hospital. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Bangi.

Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH : Terima kasih Tuan Speaker soalan saya nombor 3.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD. SHAFIE BIN NGAH
(BANGI)**

TAJUK : PENDIDIKAN

3. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah tindakan kerajaan bagi membantu para pelajar ke Mesir (untuk pengajian Islam, perubatan dan lain-lain) setelah sesi pengajian di sana di buka;
 - i) Bagi pelajar-pelajar ijazah pertama yang belum memulakan pengajian
 - ii) Bagi pelajar-pelajar ijazah pertama yang sudah berada di tahun kedua dan ke atas

- iii) Bagi pelajar-pelajar lepasan ijazah yang sudah berada di tahun kedua dan ke atas
- b) Apakah langkah kerajaan untuk mencari pusat-pusat pengajian baru sebagai alternatif, dengan disesuaikan dengan subjek pengajian mereka?

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI : *Assalamualaikum* dan selamat sejahtera. *Bismillahir rahmannir rahim*, terima kasih kepada Bangi. Berikut adalah langkah kerajaan negeri yang telah diambil oleh kerajaan negeri dalam membantu pelajar-pelajar Selangor yang berhajat dan yang telah meneruskan pengajian tinggi mereka di Mesir. Pertama bagi pelajar-pelajar ijazah pertama yang belum memulakan pengajian. Kerajaan pusat membuat keputusan tidak membenarkan penaja menghantar pelajar baru ke Mesir. Oleh itu Kerajaan negeri telah memutuskan pelajar tajaan dermasiswa bagi pelajar perubatan ditempatkan di Universiti Selangor, UNISEL bagi mengikuti program asasi sains. Manakala pelajar pengajian Islam pula ditempatkan di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor KUIS. Bagi pelajar persendirian tidak ada halangan samada untuk meneruskan pengajian di Mesir atau di Malaysia kerana mereka adalah di bawah tanggungan ibu bapa. Kedua, bagi pelajar-pelajar ijazah pertama yang sudah berada di tahun kedua dan ke atas, pelajar dermasiswa untuk perubatan diberi pilihan samada ingin meneruskan pengajian di Mesir atau menyambung pengajian di Malaysia. Tajaan dermasiswa pelajar juga masih diteruskan mengikut kadar yang ditetapkan seperti di Mesir. Manakala pelajar dermasiswa pengajian Islam disarankan menyambung pengajian di Universiti Islam Antarabangsa, KUIS kerana Lembaga Zakat Selangor sebagai penaja tunggal juga menaja KUIS secara tetap yakni melalui peruntukan tahunan. Ketiga bagi pelajar lepasan ijazah. Setakat ini Kerajaan negeri belum lagi membincangkan langkah-langkah yang perlu diambil bagi membantu mereka kerana tiada permohonan. Antara langkah kerajaan untuk menempatkan pelajar di pusat pengajian baru adalah:

- 1) Menjadikan KUIS dan UNISEL sebagai IPT Institusi Pengajian Tinggi yang di mana KUIS dan UNISEL ini adalah di dalam ruang lingkup pengaruh kerajaan negeri yang mahu ditingkatkan keupayaan dengan izin **empower** untuk di bawah menjadi hab pendidikan bagi memenuhi keperluan modal insan pasaran, modal insan kontemporari.
- 2) Kerajaan negeri melalui agensi Jabatan Agama Islam Selangor mengambil peranan dengan meninjau beberapa pusat pengajian tinggi di luar Negara antaranya di Universiti Khartum di Sudan, Universiti Sumatra Utara dan Universiti-universiti di Negara Turki bagi pengajian perubatan. Manakala tinjauan juga di buat di Negara Tunissia iaitu di Universiti Zaitun bagi bidang pengajian Islam dan Universiti Madinah, Arab Saudi bagi bidang Bahasa Arab dan Al-Quran. Terima kasih.

Y.B. TUAN MOHD. SHAFIE BIN NGAH: Soalan tambahan Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Ya Bangi.

Y.B. TUAN MOHD. SHAFIE BIN NGAH: Terima kasih Tuan Speaker. Saya mendapat maklumat bahawa Kerajaan Negeri ada memberikan peruntukan untuk membantu pelajar-pelajar yang boleh berlepas keluar negara baru-baru ini. Soalan saya ialah dari manakah peruntukan itu diperoleh dan berapakah jumlah yang diberikan untuk mereka. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI : Terima kasih kepada Bangi. Peruntukan yang telah diberikan disalurkan melalui Lembaga Zakat Selangor kerana ada krisis politik di Mesir baru-baru ini sebanyak RM30,000.00. Untuk memenuhi keperluan terdesak di mana mereka telah melalui keperluan untuk memenuhi makanan, menyediakan mungkin tempat tinggal dan sebagainya supaya mereka ini selamat. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sungai Burung.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Tuan Speaker soalan nombor 4.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAN
(SUNGAI BURUNG)**

TAJUK : MERAKYATKAN EKONOMI SELANGOR

4. Dari 2008 hingga Ogos 2013 Kerajaan Negeri Selangor telah membelanjakan sebanyak Ringgit Malaysia Satu Bilion untuk melaksanakan dasar Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES)

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan program dan projek MES dari 2008 – 2013
- b) Nyatakan impak positif program tersebut kepada rakyat Negeri Selangor
- c) Adakah Kerajaan Negeri Selangor bercadang untuk menambah program MES yang lain dan berapakah peruntukan di perlukan?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker. Terima kasih kepada Sungai Burung membangkitkan soalan program Merakyatkan Ekonomi Selangor. Sehingga 31hb. Ogos 2013 sejumlah RM954 juta telah dibelanjakan untuk program ini. Terdapat 19 program yang mana lebih daripada 1,656,123 orang penduduk Selangor menikmati usaha tersebut. Saya ingin memberikan gambaran ringkas tentang pemberian-pemberian yang kita beri.

- 1) Tabung Warisan Anak Selangor. Terdapat 66,169 orang yang telah mendaftar.

- 2) Bekalan Air Percuma hampir 1.3 juta orang mereka yang menikmati bekalan air percuma 20 meter padu dan;
- 3) Pusat Tuisyen Rakyat lebih daripada 20,000 yang telah mengikuti kelas-kelas yang telah kita berikan.

Apa yang kita janjikan dalam dewan, , Ahli-ahli Dewan boleh memantau setiap penggunaan dana tersebut dan semua maklumat-maklumat ini boleh didapati sehinggakan kepada penerimanya.

Nyatakan Impak Positif Program ini terhadap rakyat negeri Selangor. Jawapannya sangat positif sehinggakan Pakatan Rakyat menang 2 / 3 daripada kerusi yang dipertandingkan.

Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menambah program dalam belanjawan Negeri Selangor yang akan saya bentangkan pagi ini. Kita juga akan meningkatkan lagi program MES daripada awalnya sembilan ketujuh belas. Walau bagaimana pun pemantauan tentang penggunaan kita teliti dengan baik.

TUAN SPEAKER : Sungai Burung

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan tambahan. Saya ucapkan syabaslah di atas program merakyatkan ekonomi Selangor memberikan impak yang tinggi. Walau bagaimana pun selepas satu penggal masih ada lagi ramai yang belum dapat tentang terutamanya bekalan air percuma. Jadi apakah langkah-langkah kerajaan negeri bagi memastikan mereka yang belum dapat ini akan mendapat program tersebut.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tuan puan Speaker, berita baiknya ialah bukan sahaja rakyat Selangor yang inginkan pemberian air percuma, jadi negeri-negeri lain, baru-baru ini kita mendengar khabar bahawa Johor akan mencontohi Selangor. Jadi itu sahaja. Kedua, kita telah membuat beberapa program untuk menyelesaikan bekalan air bagi rumah pangsapuri kos rendah yang menjadi isu yang kita kena selesaikan. Kita telah mencadangkan kepada SYABAS untuk menjalankan usaha yang lebih agresif supaya menukar meter-meter itu dan meter-meter persendirian yang kita perlukan. Walau bagaimana pun sebelum perkara itu berlaku kita juga memberikan baucar ataupun kupon untuk menolong mereka mendapat pemberian air percuma.

TUAN SPEAKER : Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Terima kasih Tuan Speaker. Saya rasa gembira apabila Y.A.B. Menteri Besar menyebut kerajaan akan memperluaskan lagi skim MES ini. Saya mohon supaya kerajaan negeri menyemak semula syarat kelahiran seseorang bayi itu mesti di Selangor mengambil kira kawasan Petaling Jaya

yang tidak ada hospital awam, jadi anak-anak yang lahir di Pusat Perubatan Universiti Malaya dinafikan hak untuk mendapat skim MES. Sekian, terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker. Sebenarnya kita telah mula menyelesaikan perkara tersebut kerana kita juga meminta ibu bapa untuk memberikan kita keyakinan bahawa dia ibu bapanya ialah yang bermastautin di Selangor. Ini perkara ini bukan sahaja di Petaling Jaya tetapi juga di Seremban dan juga di kawasan Tanjung Malim di Perak dan kita telah mula memberitahu kepada mereka-mereka yang lahir luar, luar kawasan Negeri Selangor tetapi layak oleh kerana ibu bapa dan kedudukan mereka dan mereka diberikan peluang untuk mendaftar menjadi ahli Tabung Warisan Anak Selangor.

TUAN SPEAKER : Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Tuan Speaker. Yang Amat Berhormat Tan Sri. Saya mengucapkan terima kasihlah kepada Y.A.B. kerana Selangor begitu prihatin terhadap kebajikan rakyat khususnya pelbagai program merakyatkan ekonomi di laksanakan dan di dalam konteks ini Skim Mesra Usia Emas yang dulunya tidak pernah difikirkan oleh pihak Barisan Nasional tetapi sekarang warga emas begitu menyanjung program ini dan saya cuma nak tahu apakah program Jom *Shopping* untuk Skim Mesra Usia Emas ini setiap tahun tu akan dilanjutkan atau pun akan ditukar kepada format yang lain. Kerana rakyat di bawah begitu menunggu-nunggu Jom *Shopping* giliran mereka ini. Sekian, terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker, pertama mengikut rekod statistik terkini terdapat 41,945 keluarga yang menerima pembayaran khairat kematian yang sejumlah RM101 juta yang telah diagihkan. Kedua, untuk menentukan warga emas ini juga merasa pemberian dari kerajaan negeri kita telah mengadakan satu program Jom *Shopping* yang dibuat untuk memanggil mereka supaya dapat bersama-sama dengan Ahli Dewan Undangan Negeri, wakil-wakil mereka untuk melakukan pembelian dengan kupon bernilai RM100. Program itu kita lakukan atas dasar **Corporate Social Responsibility** yang dibuat oleh Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. Jadi kita berterima kasih kepada Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. yang dapat hasil daripada pengurusan pasir dan dia telah menggunakan RM10 juta untuk program ini. Adalah cadangan kerajaan negeri untuk berbincang semula dengan Kumpulan Semesta supaya usaha ini dapat di panjangkan jika Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. menunjukkan peningkatan keuntungan kerja mereka. Nampaknya untuk tahun depan boleh jadi Kumpulan Semesta akan meneruskan program ini. Di samping itu kerajaan negeri memperuntukkan satu program menyambut hari jadi 60 tahun. Itu peruntukan yang dibuat oleh kerajaan negeri untuk memberikan hadiah kupon RM100 kepada warga emas yang mencapai umur 60 tahun supaya mereka termasuk dalam rekod kita sebagai ahli yang menerima pemberian khairat kematian.

TUAN SPEAKER : Baiklah soalan seterusnya Meru.

Y.B. TUAN DR. ABDUL RANI BIN OSMAN : Tuan Speaker, soalan nombor 5.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABDUL RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK: PELABUR LUAR KE NEGERI SELANGOR

5. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Apakah faktor-faktor yang menyebabkan ramai pelabur-pelabur luar yang dating melabur di negeri Selangor?
 - b) Nyatakan bentuk-bentuk insentif yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri Selangor kepada pelabur-pelabur dari luar agar mereka dapat terus melabur di Negeri Selangor.
 - c) Senaraikan 7 buah Negara luar tertinggi yang melabur di Negeri Selangor dengan bidang dan jumlah pelaburan mereka, serta jumlah peluang pekerjaan yang ditawarkan.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Tuan Speaker, Terima kasih kepada Meru. Faktor-faktor utama yang menyebabkan Negeri Selangor terus dipilih sebagai destinasi pelaburan oleh pelabur-pelabur domestik dan luar adalah seperti berikut:-

1. Polisi dan kestabilan politik;
2. Dasar Kerajaan Negeri mesra pelabur;
3. Kedudukan Negeri Selangor yang strategik; dan berdekatan dengan pintu masuk utama negara;
4. Kemudahan asas yang lengkap serta jalinan hubungan jalan raya yang terbaik ;
5. Kemudahan pelabuhan; dan Lapangan terbang untuk import dan eksport.;
6. Kemudahan pendidikan dan perubatan untuk pelabur asing;
7. Kemudahan tempat rekreasi seperti kelab golf dan pusat membeli belah yang bertaraf dunia;
8. Penggunaan bahasa Inggeris yang meluas memudahkan para pelabur berkomunikasi dengan pekerja tempatan;
9. Hak Perlindungan harta intelek;
10. Penawaran buruh berkemahiran.

Kerajaan Negeri Selangor menyediakan agensi khusus untuk membantu para pelaburan daripada mula proses mengenal pasti tapak, menyelaraskan permohonan kelulusan pembangunan serta membantu para pelabur menyelesaikan masalah yang dihadapi sama ada melibatkan pihak kerajaan negeri mahupun oleh pihak kerajaan pusat.

Senarai tujuh (7) buah negara luar tertinggi yang melabur di negeri Selangor dengan jumlah pelaburan serta jumlah peluang pekerjaan yang ditawarkan adalah seperti jadual di bawah:-

BIL	NEGARA	PROJEK	PELUANG PEKERJAAN	JUMLAH MODAL PELABURAN
1.	JEPUN	424	31,809	11.958 bilion
2.	AMERIKA SYARIKAT	96	24,594	10.267 bilion
3.	SINGAPORE	288	29,252	6.604 bilion
4.	GERMANY	78	5,526	5.15 bilion
5.	KOREA	91	5,239	1.982 bilion
6.	CINA	87	6,707	1.754 bilion
7.	UNITED KINGDOM	88	6,151	1.589 bilion

Sekian.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Ya, Batang Kali.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Terima kasih Yang Berhormat Speaker, kepada Yang Berhormat Seri Kembangan saya hendak mengesyorkan ataupun nak mengutarakan kebimbangan saya sebab tadi disebutkan faktor-faktor.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Batang Kali soalan tambahan.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Ya. Soalan tambahan dia, faktor-faktor galakan selain daripada apa yang disebutkan tadi adakah? Benar-benar menggalakkan pelaburan masuk kerana saya dapati pada tahun 2013 berakhir Ogos, sebanyak RM2.88 bilion nilai pelaburan yang masuk sedangkan anggaran kita pada hujung 2012 ialah 11.7 bilion, jadi ini sudah lari banyak, jadi saya rasa apakah faktor-

faktor yang disebutkan itu sudah mencukupi ataupun gagal untuk menarik pelaburan untuk datang. Terima kasih.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Tuan Speaker, yang saya tak pasti apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Batang Kali, tapi ini sudah lari daripada pokok soalan yang telah disediakan. Kalau nak tanya sila tanya melalui sesi soalan yang seterusnya.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: sebab soalannya, Tuan Speaker, saya sebutkan di sini, soalannya dia kata apakah? Faktor-faktor galakan pelaburan masuk, jadi bila faktor-faktor itu disebut tadi merujuk kepada angka-angka pencapaian negeri Selangor di dalam membawa masuk pelaburan telah jatuh ataupun lari dari sasaran, kalau dulu 2 bilion kita menganggarkan pelaburan masuk RM11 billion sudah lari banyak jadi apakah? Faktor-faktor yang disebut itu efektif atau perlu di *review* balik (dengan izin).

TUAN SPEAKER: Ok baiklah, Yang Berhormat Seri Kembangan jawab, ia atau tidak itu sahaja.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Tuan Speaker, ini tidaklah.

TUAN SPEAKER: Baiklah..soalan seterusnya Pandamaran.

Puan Speaker, soalan no. 6.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG
(PANDAMARAN)**

TAJUK : BANJIR KILAT DI PANDAMARAN

6. Banjir kilat telah melanda kawasan Pandamaran pada 3 September 2013 dan 5 September 2013 mengakibatkan 557 keluarga mengalami kerosakan harta benda yang serius.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah pendekatan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah banjir tersebut?
- b) Adakah Kerajaan negeri bersedia untuk menaik taraf kunci-air 51 di Jalan Papan Pandamaran dan membesarkan kolam tahanan yang sedia ada dan juga menaik taraf parit dan 'culvert,' di Lorong Chinniah, Pandamaran untuk mengatasi masalah banjir di kawasan Pandamaran?

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Puan Speaker, Pandamaran bertanya berkaitan banjir kilat yang melanda kawasan Pandamaran pada 3hb. September, 2013 dan 5hb. September, 2013 yang mana mengakibatkan 557 keluarga mengalami kerosakan harta benda yang serius. Bagi menjawab soalan ini, bertanya sama ada apakah pendekatan kepada kerajaan negeri, Kerajaan Negeri mengambil pendekatan bagi mengatasi masalah banjir tersebut dengan melaksanakan program-program atau pelan strategi yang telah dirancang yang mana di antaranya adalah melalui pendekatan jangka pendek yang berterusan dan juga jangka panjang yang mana sudah kita rancang melalui hasil daripada kajian-kajian yang akan kita jalankan. Dengan menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan secara berkala terhadap sistem perparitan dan seperti kolam takungan serta rumah pam yang sedia ada. Begitu juga dengan membuat kerja-kerja pembaikan terhadap perparitan sedia ada bagi melancarkan pengaliran air, dan kita juga melaksanakan melalui Jabatan Pengairan dan Saliran, pembangunan pembinaan perparitan atau sistem kawalan banjir berdasarkan kepada pelan induk pengurusan aliran ribut dan kajian perparitan Klang yang disediakan pada tahun 2009 oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia.

Merujuk kepada pelan induk tersebut kawasan Pandamaran juga bekas kawasan tadahan di mana ia terletak di kawasan tadahan Sungai Aur, dengan perancangan yang telah dirancang seperti membina parit-parit konkrit dan komponen-komponennya. Pelaksanaan kerja-kerja ini dilakukan dengan berperingkat-peringkat mengikut keutamaan dan juga berdasarkan kepada peruntukan yang diluluskan. Sebab peruntukan yang di peruntukan dalam rancangan tebatan banjir tadahan Sungai Aur adalah sebanyak 112 juta ringgit berbanding dengan kos keseluruhan kawasan Klang berjumlah 1.4 bilion.

Pada masa ini dimaklumkan pihak JPS Klang telah memanggil kerja-kerja menaik taraf dengan menggunakan peruntukan pembangunan di bawah tahun 2013 Jabatan Pengairan dan Saliran telah melantik kontraktor yang melaksanakan kerja-kerja tersebut yang berada di bawah bidang kuasa dan kawasan pengendalian JPS sendiri, maklumat projek adalah seperti berikut:-

1. Projek Tebatan banjir di Jalan Pandamaran Pelabuhan Klang, tarikh milik tapak 31 Oktober 2013 dan dijangka siap 3 Julai 2014 dengan kos projek sejumlah RM970,000.00, skop kerja adalah pembinaan dan membekalkan dua (2) biji pam, menaik taraf pintu air sedia ada kepada flat gane dan kerja-kerja pengorekan di inlet dan outlet.
2. Yang Kedua adalah kerja-kerja mengorek dan mendalamkan kolam takungan Sungai Aur serta kerja-kerja berkaitan di Pandamaran, Daerah Klang. Tarikh milik tapak adalah pada 15hb. November, 2013 dan dijangka siap pada 3hb. Januari, 2014, yang mana kos projek melibatkan jumlah RM 266,000.00 kerja-kerja mengorek dan mendalamkan kolam sedia ada. Walau bagaimanapun pada masa ini terdapat pada konkrit di lorong Chinniah yang selenggara oleh Majlis di mana masalah banjir yang berlaku kawasan

tersebut adalah kerana dipengaruhi oleh pengawalan daripada kapasiti punca air 51 yang terletak di hilir kawasan ini. Sekian.

TUAN SPEAKER: Pandamaran.

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG: Berkenaan dengan Kunci Air 51 yang disebutkan dalam soalan ini, saya difahamkan bahawa Kunci Air itu merupakan punca utama yang mengakibatkan banjir di Pandamaran, jadi saya nak tanya secara spesifik sama ada naik taraf kunci air tersebut termasuk membesarkan dan berapa perbelanjaan yang akan dibayar untuk membuat projek tersebut. Terima kasih.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Naik taraf kunci air itu adalah termasuk di dalam projek pertama yang saya katakan tadi, iaitu Projek Tebatan Banjir di Jalan Pandamaran, Pelabuhan Klang, yang mana antaranya juga meliputi kerja-kerja menaik taraf pintu air yang sedia ada kepada *flat gate*, walau bagaimanapun pemantauan akan kita lihat dan mungkin kalau ada keperluan untuk kita lihat semula naik taraf supaya ia lebih efektif kita akan lihat semula.

TUAN SPEAKER: Soalan seterusnya Ijok.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD : Tuan Speaker, soalan no. 7.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(IJOK)**

TAJUK : BELIA

7. Ramai belia di desa yang menganggur dan menimbulkan masalah sosial.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah dasar dan perancangan Kerajaan Negeri Selangor dari segi latihan kemahiran / vokasional bagi belia-belie di desa ?
- b) Apakah rancangan Kerajaan Negeri Selangor untuk mengurangkan penghijrahan belia dari desa ke kota?

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Tuan Speaker, Ijok bertanyakan berkaitan dengan Belia di Desa yang menganggur dan juga menimbulkan masalah sosial dan bertanyakan berkaitan dasar dan perancangan Kerajaan negeri Selangor dari segi latihan dan kemahiran Vokasional bagi belia-belie yang berada di desa. Dasar dan perancangan kerajaan negeri Selangor dari segi latihan kemahiran ataupun vokasional bagi belia-belie di desa adalah melalui kerjasama yang dijalinan bersama dengan pihak INPENS untuk memberikan latihan seperti dalam bidang kecantikan, automotif, dandan rambut dan elektrik, elektronik motosikal, sistem komputer dan penyaman udara, program-program yang dijalankan di Kolej INPEN itu,

latihan-latihan yang dijalankan ini sebagai persediaan kepada mereka dalam menghadapi persaingan untuk mendapatkan peluang pekerjaan dalam bidang kemahiran ataupun vokasional di samping itu kerajaan negeri juga sangat menggalakkan kepada belia-belia Selangor untuk mendapatkan pendidikan terutamanya pendidikan berbentuk kemahiran dan vokasional ini di beberapa institusi-institusi yang sudah sedia ada di Negeri Selangor termasuklah giat mara, pusat komuniti dan sebagainya.

Dalam perancangan kerajaan negeri untuk pengurangan penghijrahan belia daripada desa ke kota sudah tentu kita sedia maklum penghijrahan belia ini terutamanya adalah berkaitan dengan faktor ekonomi ataupun kerjaya, yang mana saya kira Negeri Selangor cukup pesat tapi ada beberapa perancangan kerajaan negeri tapi bagaimana jua kita memikirkan pengurangan penghijrahan belia dari desa ke kota melalui langkah-langkah yang boleh kita lakukan. Pertamanya adalah berkaitan dengan sektor pertanian yang mana perlu dimajukan dengan memberikan bantuan kewangan, bentuk nasihat, menyatukan kawasan-kawasan pertanian yang sempit dengan konsep pertanian bersepadu, kaedah moden diperkenalkan seperti penggunaan biji benih yang bermutu tinggi, penggunaan jentera elektronik, baja, racun serangga supaya hasil pengeluaran dapat ditingkatkan, di samping itu pihak kerajaan juga perlu memberikan kemudahan infrastruktur di kawasan luar bandar dengan lebih baik yang boleh kita fikirkan di masa akan datang.

Bekalan air, elektrik, kemudahan perhubungan dan pengangkutan perlu dibina di kawasan luar bandar dengan lebih baik lagi, untuk mengurangkan lagi aliran penduduk kawasan desa boleh digalakkan membangunkan dalam sektor industri desa yang seperti sedia ada seperti industri memproses hasil-hasil pertanian, industri kraf tangan, industri makanan, yang saya kira di kebanyakan kawasan-kawasan luar bandar sudah ada industri ini, cuma yang penting bagaimana kerajaan negeri hari ini mengambil satu inisiatif memajukannya lagi.

Walau bagaimanapun saya melihat di dalam tumpuan kerajaan negeri di dalam penggal ini yang mana dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Tan Sri Seri Dato' Menteri Besar kita bahawa tumpuan kepada pembangunan desa adalah salah satu tumpuan yang akan kita berikan dan program-program ini akan dirancang dan saya kira mulai tahun depan sudah tentu ada perkara-perkara yang akan kita mulakan dengan hasrat akhir kita akan melihat pembangunan di desa ini juga sebanding dengan pembangunan yang berlaku di bandar di Negeri Selangor dan akhirnya peluang-peluang pekerjaan ini dapat kita berikan kepada belia-belia kita dan pembangunan kerancakan ekonomi itu sendiri akhirnya akan membantu pembangunan negeri Selangor secara menyeluruh. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Baiklah Semenyih.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD. AZIZ : Yang Berhormat Speaker, soalan no. 8.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B DATUK JOHAN BIN ABD. AZIZ
(SEMENYIH)**

TAJUK : PERUMAHAN MAMPU MILIK PKNS

8. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Apakah definisi " rumah mampu milik" PKNS?
 - b) Berapa jumlah unit, jenis serta lokasi rumah mampu milik yang telah dibina PKNS berbanding rumah kos sederhana dan tinggi dari 2008-2013?
 - c) Berapakah jumlah unit rumah mampu milik yang akan dibina oleh PKNS sepanjang 5 tahun ini?

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: *Bismillahir rahmanir rahim.* Berkenaan dengan PKNS, rumah-rumah yang dibina oleh PKNS dari segi pentadbirannya ataupun dari segi klasifikasinya, ianya terbahagi kepada tiga. Yang pertamanya, adalah rumah kos rendah, iaitu di antara RM35,000.00 hingga RM42,000.00 dan rumah mampu milik seperti yang ditanya oleh Yang Berhormat iaitu di antara RM60,000.00 hingga RM150,000.00 dan peringkat pertengahan iaitu di antara RM150,000.00 hingga RM300,000.00 dan rumah kos tinggi iaitu RM300,000.00 ke atas. Persoalan berapa banyak rumah yang mampu milik yang dibina berbanding dengan kos sederhana dengan kos tinggi. Kalau diambil secara keseluruhannya untuk tempoh 2008 dan 2013, rumah mampu milik yang telah dibina dan juga yang sedang dibina adalah lebih kurang 2,865 berbanding dengan kos peringkat pertengahan iaitu 4,054 dan kos tinggi iaitu sebanyak 1,838. Berkenaan dengan pecahannya adalah di Bukit Botak rumah mampu milik ada 1,422, di Seri Kejora, Subang Bestari rumah mampu milik ada 254 di antara Gapi belum lagi dibina rumah mampu milik tetapi kos pertengahan adalah 66 dan kos tinggi adalah 228. Di Gombak setakat ini peringkat pertengahan iaitu 704, di Rawang, di Rasa rumah pertengahan iaitu 85 unit dan di Kuala Selangor kos tinggi ada 75 unit, di Kota Puteri peringkat pertengahan ada 1,515 dan kos tinggi ada 98. Bernam Jaya pertengahan ada 139, kos tinggi 45, di Kuang rumah kos rendah ada 180 kos tinggi adalah 45, di Kelana Jaya, kos tinggi 12 unit, di Puchong 55 unit kos pertengahan di Shah Alam ataupun Alam Nusantara terdapat rumah mampu milik 536 unit kos pertengahan 786 unit dan kos tinggi 916 unit dan di Bangi rumah mampu milik ada 524 unit dan kos pertengahan ada 367 dan kos tinggi ada 288 sementara di Kota Damansara ada rumah pertengahan 292 unit dan kos tinggi ada 50 unit untuk keseluruhan perancangan pembinaan rumah mampu milik PKNS daripada 2014 hingga 2020. Pada tahun 2014 yang akan mula dibina di Gombak ada 616 unit, di Hulu Selangor terdapat 80 unit, di Klang 210 unit, di Petaling ada 122 unit, keseluruhan untuk 2014 adalah 1,028 unit yang akan mula dibina sementara di antara 2015 hingga 2020 di Kota Puteri ada 7,000 unit, di antara Gapi terdapat ataupun saya rangkumkan di Hulu Selangor terdapat 6,467 unit. Di kawasan di Daerah Petaling ada

1,568 unit di Sepang iaitu di SSP 2 ada 840 unit. Di Petaling ada 118 unit di Kuala Selangor, di Puncak Alam ada 72 unit. Bermakna menurut perancangan PKNS terdapat 16,065 unit yang akan di bina di antara 2014 dan 2020 termasuk rumah yang akan dibina melalui penswastaan PKNS iaitu sebanyak 948 unit mengambil keseluruhannya di antara 2014 hingga 2020 terdapat 18,037 unit rumah mampu milik yang akan dibina oleh PKNS, terima kasih.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Soalan tambahan, Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Semenyih.

Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD. AZIZ : Terima kasih, Tuan Speaker. Soalan Tambahan saya, adakah benar rumah kos rendah harga RM35,000.00 dan RM42,000.00 ini dibuat. Saya tadi apabila disebut di Kuang, ADUN Kuang, sahabat saya sebelah, saya tanya di mana, dia pun tak tahu. Jadi adakah benar kos rendah RM35,000.00 yang seperti disebutkan tadi dengan RM42,000.00 ini wujud dan saya nak bertanya adakah juga benar Kerajaan Negeri tidak akan membina rumah kos rendah yang seperti di zaman Barisan Nasional dahulu. Kita ada membuat rumah PKNS harga RM18,000.00, harga RM25,000.00 dan RM42,000.00 ini rumah bawah, dua tingkat. Kita pernah buat. Adakah ini dilakukan atau tidak.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Rumah kos rendah kita akan buat, memang dah buat dan memang wujudlah dan ianya bukan satu impian semata-mata dan di masa akan datang kalau kita lihat kita punya polisi rumah Selangorku yang baru kita masih mengekalkan peratusan yang perlu di bina oleh pemaju yang mempunyai tanah yang sekian-sekian ekar mereka masih diwajibkan membina rumah kos rendah. Cuma saya nak ambil sedikit bahawa walaupun di bawah pihak, di bawah Kerajaan Barisan Nasional diwajibkan bina rumah kos rendah tetapi apabila kita lihat kembali bahawa walau pun diwajibkan ketika itu banyak rumah kos rendah tersebut yang tidak dibina. Baru-baru ni kita ada buat satu pendengaran awam di mana kita dapati bahawa contohnya di Klang ada 2 tempat di Klang dan di Subang terdapat hampir 2,000 rumah kos rendah dan kos sederhana seawal 1997 masih tidak lagi dibina oleh pemaju. Oleh kerana pemantauan dan penguatkuasaan yang mungkin yang lemah ketika itu. Sekarang ni, insya-Allah kita akan perbaiki dengan bantuan pihak PBT dan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor kita akan pastikan kalau pemaju tu nak bina diwajibkan bina kita akan wajibkan bina bukan macam dulu banyak yang terlepas. Terima kasih.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Soalan tambahan, Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Ya, Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Rawang ingin bertanya sama ada hanya PKNS yang ditugaskan untuk membina rumah mampu milik di Selangor ini ataupun ia terbuka juga kepada pihak swasta memandangkan ada keperluan yang begitu tinggi di Klang Valley

khasnya Negeri Selangor terhadap rumah yang mampu milik maksudnya tidak terlalu tinggi harganya.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Seperti mana Yang Berhormat tahu bahawa kita dahulu ada polisi 20, 20, 10 dan sekarang ni ada polisi baru ianya telah diluluskan oleh EXCO, oleh MTES sebenarnya pada EXCO pada 13 November yang lepas dan kita mewajibkan dan kita membuka kepada pemaju swasta untuk bina rumah mampu milik. Jadi menjawab soalan itu bukan sahaja PKNS tetapi pemaju swasta juga boleh membina rumah mampu milik dan banyak telah menghantarkan permohonan dan banyak yang telah kita luluskan untuk membina rumah mampu milik.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Soalan tambahan, Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Ya, Paya Jaras.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Yang Berhormat EXCO, berbalik kepada persoalan janji yang dah tinggal janji yang dicapatakan dulu. Rumah kos rendah, soalan saya apa tindakan Kerajaan Negeri menyelesaikan masalah-masalah orang yang tertipu ni dahulu. Adakah kita selesaikan ataupun bagaimana?

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Saya rasa soalan tu terlampau am sebab seluruh rakyat Selangor pun tertipu dahulu tuan-tuan. (Ketawa). Jadi saya tak tahu yang mana satu yang perlu kita tolong dan bantu.

TUAN SPEAKER : Baiklah, soalan seterusnya, Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Tuan Speaker, Soalan No. 9.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : SILIBUS MAJLIS ILMU MASJID DAN SURAU

9. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah hala tuju majlis-majlis ilmu dalam membentuk fikrah dan sahsiah umat Islam seluruh Selangor?
- b) Apakah rancangan kerajaan untuk membangunkan silibus majlis ilmu ke arah cita-cita Selangor sebagai Baldatun Tayyibatun wa Rabbun Ghafur?
- c) Apakah tiga bidang paling popular dalam majlis-majlis ilmu seluruh Selangor?

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI : Tuan Speaker, terima kasih kepada Hulu Kelang. Hulu Kelang ingin bertanya tentang soalan yang pertama berkaitan dengan hala tuju majlis-majlis ilmu dalam membentuk fikrah dan sahsiah umat Islam seluruh Selangor, sebagai jawapannya hala tuju majlis-majlis ilmu dalam membentuk fikrah dan sahsiah umat Islam seluruh Selangor yang berlangsung di masjid-masjid dan surau-surau ialah yang pertama membasmi kejahilan umat Islam an seterusnya dapat membangunkan umat Islam daripada kelesuan dan kelalaian. Yang kedua, ialah membina pengamalan ibadah yang betul seperti mengikut syariah ataupun yang disebut sebagai Shahhitul ibadah. Yang ketiga, ialah meneguhkan jati diri umat Islam daripada terjebak kepada maksiat dan tersalah akidah kepada jati diri yang ampuh, kuat dan memiliki akidah yang mantap. Yang seterusnya ialah dapat memupuk sahsiah dan akhlak Islam yang betul dan seterusnya membina kesatuan fikrah Islam secara jelas seperti memahami Islam secara syumul an relevan mengikut zaman. Mengguna pakai kitab-kitab yang sesuai kepada pembinaan fikrah seperti “Apa ertinya saya menganut Islam” oleh Fathi Yakan dan kitab-kitab Sirah, Tafsir dan Fiqh Siasah as Syar’iyyah yang lainnya.

Yang kedua, Hulu Kelang juga bertanya, apakah rancangan kerajaan untuk membangunkan silibus majlis ilmu ke arah cita-cita Selangor sebagai Baldatun Tayyibatun wa Rabbun Ghafur. Izinkan untuk saya terlebih dahulu menyebut apakah makna maksud Baldatun Tayyibatun wa Rabbun Ghafur ia itulah negeri yang baik yang mendapat keampunan daripada Tuhan daripada Allah. Sebagai jawapannya rancangan kerajaan untuk membangunkan silibus majlis ilmu ke arah cita-cita Selangor sebagai negeri Baldatun Tayyibatun wa Rabbun Ghafur ialah pertama penambahbaikan silibus yang sesuai dengan guru-guru bertauliah dan guru takmir. Kedua, melantik guru-guru baru yang sesuai dan mampu mengupas konsep Baldatun Tayyibatun wa Rabbun Ghafur. Yang ketiga, menyarankan jadual pengajian kitab-kitab Sirah, Tafsir, kitab-kitab Siasah as Syar’iyyah seperti Fiqh Daulah, kitab-kitab muamalah Islam dan lain-lain ke arah pemahaman konsep. Seterusnya, menganjurkan seminar, simposium, forum dan khutbah Jumaat yang mendedahkan konsep Baldatun Tayyibatun wa Rabbun Ghafur. Yang seterusnya, mengadakan wacana, forum, tazkirah Ramadhan di padang-padang awam seperti berlaku di Dataran Shah Alam, di PADAT setiap Sabtu, di Tapak Pasar Tani Shah Alam setiap Ahad dan di masjid-masjid terpilih bergilir mengikut daerah-daerah. Seterusnya, mengadakan kerjasama dengan NGO-NGO Islam, PBT dan JKKK dalam pelaksanaan dakwah dan program ilmu fokus golongan sasaran seperti pelaksanaan forum santai di Pantai Morib atau padang-padang awam yang lain fokus kepada muda mudi. Seterusnya, kursus-kursus kepada anak-anak remaja musim cuti sekolah penekanan ilmu, amal, iman, rekreasi, *game* dan lain-lain di lebih 36 masjid-masjid terpilih di seluruh Negeri Selangor.

Dan soalan yang ketiga Hulu Kelang bertanya tentang apakah tiga bidang paling popular dalam majlis-majlis ilmu seluruh Selangor. Sebagai jawapannya di antara penghayatan bidang ilmu yang paling diminati dan popular diajarkan di masjid-masjid an surau-surat ialah yang pertama Fiqah, yang kedua Tasauf dan yang ketiga akidah Islam.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Ya, Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Saya nak tanya adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk memperakui peranan masjid dalam mengimarahkan majlis-majlis ilmu, contohnya memberikan insentif hadiah pertama RM50,000.00. Hadiah Kedua RM30,000.00. Hadiah Ketiga RM10,000.00 bagi masjid-masjid yang paling aktif menganjurkan ceramah-ceramah dan kuliah-kuliah agama.

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI : Terima kasih kepada Hulu Kelang. Pertama sekali sebenarnya, pihak Kerajaan Negeri memastikan bahawa masjid-masjid ini akan sentiasa imarah dan sentiasa diimarahkan, untuk itu kita bukan sahaja menghendaki supaya masjid akan imarah dalam ruang lingkup dalam ruang solat tetapi bahkan di luar solatnya untuk menjadi pusat komuniti masyarakat. Maka untuk itu, Negeri Selangor telah pun sebenarnya mengiktiraf dan memberikan penghargaan kepada masjid-masjid yang mencapai taraf 5 bintang, 4 bintang sebagainya namun angka itu tidaklah sama sebagai mana yang disebut oleh Hulu Kelang. Namun soalnya Kerajaan Negeri telah pun memberikan penghargaan dan akan terus memberikan penghargaan bagi masjid-masjid yang telah mencapai 5 bintang bukan sekadar kemakmuran tapi soal kebersihan dan persekitaran yang baik.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Ya, Sungai Burong.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Terima kasih, Tuan Speaker. Saya tertarik dengan penerangan tentang ada dua perkara. Pertama dalam majlis-majlis untuk bentuk-bentuk fikrah dan siasah Islam Negeri Selangor ni. Tumpuan pengajaran ialah diberikan untuk membasmi kejahilan dan bentuk syariat serta fikrah Islam tapi saya dapati ada laporan-laporan diterima terdapat penceramah-penceramah ataupun guru yang dalam mengadakan kelas-kelasnya dia menyebarkan fitnah dan juga mengutuk sesama umat Islam jadi apakah langkah-langkah yang perlu diambil oleh Kerajaan mengatasinya ini dan yang kedua dalam menerapkan penerangan tentang syariat Islam, oleh kerana PAS sebagai sebuah parti sering membangkitkan tentang melaksanakan undang-undang Hudud sebagai satu ciri yang penting. Adakah dalam ceramah ini ditekankan tentang pembinaan sebahagian daripada penguasaan syariat?

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI: Terima kasih kepada soalan tambahan daripada Sungai Burong. Pertama sekali soal menggunakan masjid ini untuk medan cerca, fitnah-memfitnah dan sebagainya, kita melalui Jabatan Agama Islam sendiri sentiasa terbuka untuk menerima laporan-laporan ataupun apa sahaja dan pihak penguat kuasa kita akan memantau daripada masa ke semasa. Sebab itu kalau berlaku kes-kes yang melibatkan soal fitnah-memfitnah, cerca-mencerca sesama umat Islam maka bolehlah dibuat aduan kepada Pejabat Agama Daerah supaya tindakan

dapat diambil. Bahkan, namun waktu yang sama kita tidak boleh untuk terus mengatakan bahawa suatu kenyataan itu adalah bentuk fitnah dan sebagainya kecuali apabila ianya adalah merupakan suatu yang di luar daripada bidang ilmu itu sendiri. Sebagai contoh, kadang-kadang ada penceramah mengatakan soal hudud dalam masjid. Ini sebenarnya soal ini bukan soal politik walaupun ianya sudah di *trade mark* kan sebagai politik bahkan dalam Quran sendiri menyebut tentang ilmu-ilmu berkaitan dengan soal hudud dan sebagainya.

Yang keduanya tentang berkaitan dengan undang-undang hudud ini saya kira ini di luar daripada soalanlah. Tadi soalan bertanya soalan asalnya tentang pembentukan fikrah, namun saya akan cuba untuk sedikit menyinggung bahawa soal hudud ini adalah merupakan bukan hak milik PAS. Soal hudud adalah merupakan hak milik Al-Quran yang semua daripada kita bukan sekadar PAS bahkan orang Barisan Nasional juga kena belajar berkaitan dengan soal hudud. Jadi oleh sebab itu ianya adalah merupakan satu isu yang tidak boleh dipolemikkan kerana ia turun daripada Allah dan kita kena menyedari bahawa sebagai insan ada kekuatan maka kita perlu untuk melaksanakan daripada mula perkara yang kecil sampailah kepada perkara yang besar.

TUAN SPEAKER: Baiklah Teluk Datok.

Y.B. TUAN LOH CHEE HENG: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya, soalan No 10.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(TELUK DATOK)**

TAJUK : SEKTOR PELANCONGAN DI NEGERI SELANGOR

10. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah peruntukan yang digunakan untuk memaju dan mempromosikan sektor pelancongan di Negeri Selangor.
 - i. Jumlah pecahan mengikut susunan Daerah sejak tahun 2008 hingga Bulan Oktober 2013;
 - ii. Sila menyatakan jenis-jenis projek dan program yang telah dilancarkan di Daerah Kuala Langat;
 - iii. Sebarang projek dan cadangan untuk membangunkan kolam-kolam di Bandar Saujana Putera sebagai tempat beristirahat, riadah dan aktiviti sukan air?

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Tuan Speaker, jumlah pecahan peruntukan untuk kemajuan sektor pelancongan di Negeri Selangor dari tahun 2008 sehingga 2013 adalah berjumlah RM11.6 juta dengan pecahan seperti berikut :

Pada tahun	2008	-	RM 2.12 juta
	2009	-	RM 3.47 juta
	2010	-	RM 1.10 juta
	2011	-	RM 2.14 juta
	2012	-	RM 1.92 juta

dan setakat ini untuk tahun 2013, RM889,000.00 sahaja. Jadi jumlah sehingga hari ini sehingga bulan Oktober adalah RM 11.6 juta.

Pecahan mengikut susunan daerah, saya telah lampirkan dalam jawapan tetapi untuk makluman Yang Berhormat Teluk Datok, di Daerah Kuala Langat sebanyak RM 1.23 juta telah disalurkan kepada Majlis Daerah Kuala Langat dan tambahan juga kita telah salurkan sebanyak RM 130,245.00 kepada Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat. Jadi jumlah sejak 2008 sehingga hari ini yang disalurkan kepada Daerah Kuala Langat adalah sebanyak RM 1.365 juta. Antara projek-projek yang menaik taraf dan juga program pelancongan di Daerah Kuala Langat adalah seperti berikut:

1. Pembinaan papan tanda informasi di sekitar Daerah Kuala Langat
2. Penyelenggaraan kemudahan awam di Pusat Paragliding Bukit Jugra, Banting
3. Pemasangan lampu awam di Pantai Morib
4. Program *Visit* Kuala Langat

Manakala acara-acara dan juga program pelancongan yang telah dijalankan di Daerah Kuala Langat adalah termasuk :

1. Paragliding (World Cup Accuracy)
2. Tourism Selangor Day Out Kuala Langat
3. Pertandingan Wau Tegak dan Cantik
4. Mega FAM Trip bersama dengan media dan juga pengamal media sosial
5. MTB Jamboree
6. Morib Triathlon 2013
7. Pameran *Visit* Kuala Langat 2013

Soalan ketiga daripada Yang Berhormat, berkenaan dengan Bandar Saujana Putera di mana terdapat beberapa kolam-kolam air. Jadi kolam-kolam tersebut di Bandar Saujana Putera adalah di bawah hak milik persendirian iaitu dimiliki oleh Karisma Mantap Sdn. Bhd. Jadi Kerajaan Negeri Selangor memang boleh membantu dari segi perancangan untuk membangunkan kolam-kolam tersebut kalau pemilik kolam ada rancangan dan juga cadangan untuk membangunkan kolam-kolam ini bagi tujuan pelancongan dan sebagainya.

Y.B. TUAN LOH CHEE HENG: Soalan tambahan Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Teluk Datok.

Y.B. TUAN LOH CHEE HENG: Terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO. Soalan tambahan saya, adakah Kerajaan Negeri akan mempergiatkan lagi program *homestay* dengan izin di kawasan Daerah Kuala Langat untuk menarik lebih ramai pelancong. Contohnya di kampung-kampung tradisi seperti sedia ada di kawasan Teluk Datok di Kampung Jenjarum, Kampung Sungai Jarum, Kampung Seri Cheeding dan juga Kampung Teluk Datok. Terima kasih.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat Teluk Datok, sebenarnya pembangunan *homestay* tidak di bawah bidang kuasa sektor pelancongan, Jawatankuasa Tetap Pelancongan. Ianya berkaitan dengan pertanian, Agro Tourism pun sektor pertanian. Jadi kalau ada sesiapa yang ada cadangan memang kita boleh kerjasama dengan Yang Berhormat EXCO Pertanian dan juga Jawatankuasa Tetap saya. Untuk pelesenan, pelesenan untuk *homestay* juga tidak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri, adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Namun begitu kita memang masih mempromosikan beberapa *homestay-homestay* yang kita ada di Negeri Selangor dan juga pembangunan, bajet untuk pembangunan *homestay* adalah di bawah Jawatankuasa Tetap Pertanian. Jadi tidak ada masalah kalau Yang Berhormat ada cadangan untuk membangunkan sebagai contohnya Jenjarum. Saya difahamkan Jenjarum, Cheeding dan sebagainya. Cuma kita perlu, kampung-kampung tersebut, Kampung Tradisi Melayu, Kampung Baru Cina dan sebagainya JKKK itu membuat satu permohonan di mana Stanco Pertanian dan Stanco Pelancongan bersama UPEN boleh turun dan lihat adakah kawasan itu boleh dibangunkan dan kita akan menolong dari segi permohonan untuk lesen daripada Kerajaan Pusat.

TUAN SPEAKER: Ia, Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Puan Speaker. Soalan tambahan saya berkenaan dengan isu pelancongan di Negeri Selangor dan peruntukan Yang Berhormat. Baik, saya hendak minta penjelasan berapakah jumlah peruntukan setakat ini untuk Daerah Sabak Bernam kerana Daerah Sabak Bernam merupakan satu daerah yang dibangunkan khususnya Sekinchan untuk eko-pelancongan sekarang ni sedang berkembang dengan maju dan begitu giat sekali termasuk di Sungai Panjang ada kelip-

kelip juga. Jadi apa perancangan dan berapa peruntukan yang khusus untuk DUN Sekinchan dan Daerah Sabak Bernam ini. Sekian, terima kasih.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih Yang Berhormat Sekinchan. Anggaran kasarlah, ini tidak termasuk promosi dan sebagainya. Saya hendak sebut tahun ke tahun.

2009 -	RM373,000.00
2010 -	RM9,945.00
2011 -	RM37.5 ribu
2012 -	RM319,958,000.00

dan setakat ini yang diperuntukkan untuk Sabak Bernam adalah RM 300,000.00. Jadi Yang Berhormat Sekinchan, kita memang ingin tumpu peruntukan pembangunan dan juga kemajuan sektor pelancongan kepada daerah-daerah luar bandar sebagai contohnya Sabak Bernam, Kuala Langat, Hulu Langat, Kuala Selangor, Hulu Selangor dan sebagainya. Kerana memang pembangunan tapak-tapak pelancongan di kawasan Lembah Klang ataupun di kawasan perbandaran memang pesat dan amat maju. Cuma kita ingin menggunakan peruntukan daripada Kerajaan Negeri untuk menaik taraf untuk membaiki dan juga untuk membantu daerah-daerah di luar Lembah Klang. Jadi kalau Yang Berhormat Sekinchan dan juga Yang Berhormat – Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini ada cadangan untuk menaik taraf ataupun membaiki beberapa tapak-tapak pelancongan di kawasan awam boleh tujukan permohonan kepada pejabat saya atau pun melalui Majlis-majlis Daerah. Kita ada satu proses di mana sejak 2 tahun yang lalu kita membuka *fund* ataupun peruntukan pembangunan ini kepada semua Majlis-majlis Daerah, Majlis Perbandaran, Majlis Bandar Raya, Pejabat Daerah dan juga jabatan-jabatan yang ada kaitan dengan tapak-tapak pelancongan, mereka boleh pohon *fund* tersebut dan akan *fund* tersebut adalah dari cadangan majlis-majlis tersebut.

Y.B. TUAN LOH CHEE HENG: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Tuan Speaker, soalan nombor 11.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : MEMBAIK PULIH JALAN-JALAN KAMPUNG TRADISI DI PINGGIR
BANDAR**

11. Terdapat banyak jalan-jalan dan longkang di kampung-kampung tradisi di kawasan pinggir bandar terletak di tanah-tanah persendirian. Jalan-jalan ini telah wujud

sekian lama. Mesyuarat MMKN terdahulu telah meluluskan agar peruntukan Kerajaan Negeri boleh digunakan untuk membaiki jalan-jalan yang telah sedia ada.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapa banyak jalan-jalan tersebut telah direkodkan oleh pihak PBT atau Pejabat Daerah?
- b) Berapa peruntukan disediakan untuk membaiki jalan-jalan tersebut?
- c) Apakah halangan Kerajaan Negeri untuk melaksanakannya?

Y.B. TUAN SALLEHEN BI MUKHYI: Terima kasih kepada Kota Anggerik. Speaker, Kota Anggerik ingin bertanya berkaitan dengan terlalu banyak jalan-jalan dan longkang-longkang di kampung-kampung tradisi di kawasan pinggir bandar yang terletak di tanah-tanah persendirian. Jalan-jalan ini telah wujud sekian lama. Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri terdahulu telah meluluskan agar peruntukan Kerajaan Negeri boleh digunakan untuk membaiki jalan-jalan yang telah sedia ada. Soalan Kota Anggerik adalah berapa banyak jalan-jalan tersebut telah direkodkan oleh pihak PBT atau Pejabat Daerah. Jawapannya tiada rekod khusus bagi jalan atau laluan awam yang berada di tanah hak milik persendirian. Walau bagaimanapun, pada ketika ini Jabatan atau Agensi terlibat telah melaksanakan tindakan proaktif untuk mengumpulkan maklumat dan merekodkan jalan atau laluan awam yang berada di atas tanah hak milik persendirian. Perkara ini masih dalam proses awal pengumpulan maklumat tersebut.

Soalan b) Berapa peruntukan disediakan untuk membaiki jalan-jalan tersebut? Lazimnya, Kerajaan Negeri tidak menyediakan peruntukan khusus bagi tujuan kerja-kerja penyelenggaraan, baik pulih jalan di tanah-tanah hak milik persendirian. Tiada peruntukan Kerajaan Negeri sekali pun jalan-jalan persendirian itu menuju ke rumah Menteri Besar sendiri atau ke rumah EXCO sendiri. Sekiranya jalan persendirian, maka Kerajaan Negeri tidak memberikan peruntukan untuk membaiki. Maka pemilik tanah perlu menyerahkan tanah hak milik yang digunakan untuk laluan awam kepada Kerajaan Negeri untuk penyelenggaraan. Walau bagaimanapun permohonan untuk penyelenggaraan dan baik pulih ini boleh mengguna pakai peruntukan ADUN atau EXCO bagi kerja-kerja tersebut

c) Apakah halangan Kerajaan Negeri untuk melaksanakannya? Sebagai jawapannya, sememangnya terdapat halangan dan kekangan bagi Kerajaan Negeri menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan atau baik pulih jalan dan longkang di tanah hak milik persendirian. Bagi tanah hak milik persendirian yang dijadikan laluan awam, ianya perlulah melalui proses serah semula kepada Kerajaan Negeri bagi membolehkan kerja-kerja penyelenggaraan dilaksanakan.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Soalan tambahan

TUAN SPEAKER: Ya, Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Perkara ini telah dibahaskan banyak kali. Dan ia banyak di kawasan-kawasan di pinggir-pinggir bandar yang tidak ada status jalan yang jelas. Tetapi jalan-jalan ini digunakan secara ramai dan anak-anak sekolah gunakan jalan-jalan ini. Apakah EXCO setuju supaya sejumlah peruntukan diberi untuk membaiki jalan-jalan ini? Sebab kalau kita hanya *strict* kan peraturan sedangkan jalan-jalan ini digunakan oleh anak-anak pergi sekolah.

Y.B. TUAN SALLEHEN BI MUKHYI: Sebagaimana yang telah saya jawab tersebut tadi bahawa bagi pihak kerajaan tidak memberi sebarang peruntukan namun ianya boleh dirunding dengan pihak ADUN dan EXCO kerana apabila tanah ini apabila jalan ini di selenggara oleh pihak kerajaan, maka ia akan menjadi satu fail kes bahawa selepas daripada itu maka banyak jalan persendirian akan di selenggara oleh pihak kerajaan. Maka sebagai langkahnya pihak tuan tanah boleh menyerahkan tanah itu kepada pihak kerajaan untuk di baik pulih untuk dibaiki supaya ia menjadi diwartakan sebagai jalan awam kepada masyarakat.

TUAN SPEAKER: Batang Kali.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Yang Berhormat Speaker, soalan nombor 12.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(BATANG KALI)**

TAJUK : PELUPUSAN SISA PEPEJAL

12. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah kawasan pelupusan sisa pepejal yang diurus oleh pihak PBT Hulu Selangor? Nyatakan lokasinya.
- b) Berapakah kawasan pelupusan sisa pepejal di dalam DUN Batang Kali yang diurus oleh pihak bukan PBT yang diberi lesen?
- c) Apakah kriteria pemberian lesen kepada pihak pengurusan pelupusan sisa pepejal yang bukan diurus oleh PBT?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker, kawasan pelupusan sisa pepejal yang diurus oleh pihak PBT Hulu Selangor adalah seperti berikut :

- i) Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Bukit Beruntung
- ii) Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sungai Sabai, Kalumpang

Tiada kawasan pelupusan pepejal di dalam DUN Batang Kali yang diurus oleh Pihak Berkuasa PBT yang diberi lesen.

Yang ketiganya berkenaan dengan kriteria. PBT melantik operator bagi menguruskan tapak pelupusan sisa pepejal dengan spesifikasi yang telah ditetapkan. Tiada lesen dikeluarkan untuk tapak pelupusan lain selain yang diuruskan sendiri oleh PBT kecuali Tapak Pelupusan Bukit Tagar, adalah di bawah lantikan Kerajaan Persekutuan.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Ia Batang Kali.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Ni, saya nak ingin tahu Yang Berhormat EXCO, ini mengenai dengan lesen pengurusan pelupusan sisa pepejal ni apakah termasuk juga lesen operator kitar semula ni? Terima kasih.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Buat masa ini belum ada undang-undang khusus dan Kerajaan Negeri dalam proses merangka satu rang undang-undang baru untuk merangkumi semua aspek daripada pengutipan sampah hingga pelupusan sampah termasuk juga kawasan yang dibenarkan pelesenan akan dilakukan termasuk juga pelesenan untuk operator berkenaan.

TUAN SPEAKER: Lembah Jaya.

Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ: Tuan Speaker, soalan nombor 13.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK : MERAKYATKAN EKONOMI NEGERI Selangor (MES)

13. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perancangan terbaru bagi kelangsungan MES?
- b) Kenapakah program 'JOM *Shopping*' SMUE diberhentikan?

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih. Puan Speaker, saya ingin menyatakan bahawa soalan yang dikemukakan kepada saya ini adalah untuk mengetahui apakah perancangan terbaru tentang kelangsungan Merakyatkan Ekonomi Selangor. Sebagaimana yang kita dengar tadi daripada soalan nombor 4 yang telah dijawab oleh Yang Amat Berhormat Menteri bahawa Insya-Allah perancangan terbaru ini akan diberikan, dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dalam ucapan bajet tetapi apa yang ingin saya nyatakan di sini Insya-Allah Program Merakyatkan Ekonomi Selangor ini sebenarnya kita akan teruskan 20 program yang

telah pun sedia ada dengan menambah baikkan beberapa perkara. Di antaranya yang boleh saya nyatakan di sini iaitu contohnya Program Si kembar. Kalau dulunya ianya layak hanya untuk mereka yang berpendapatan RM1,500.00 ke bawah, sekarang ini kita telah pun memperbetulkan ataupun memperbaiki kriterianya, menambah baikkan supaya ianya dapat dimanfaatkan kepada keluarga yang berpendapatan RM3,000.00 ke bawah. Begitu juga dengan IPTA. Contohnya, kalau dulu hanya layak pada mereka yang berpendapatan RM1,500.00 ke bawah sekarang ini telah pun dinaikkan kelayakan tersebut kepada RM3,000.00 ke bawah. Jadi usaha-usaha ini Insya-Allah adalah untuk memastikan kelangsungan hasil negeri untuk rakyat dan seterusnya merakyat ekonomi Selangor ini dapat diteruskan.

Begitu juga soalan yang dikemukakan tentang apakah Program JOM *Shopping* akan diberhentikan sebagaimana yang telah dijawab oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Program ini merupakan satu program yang *one-off* yang sebenarnya adalah satu program yang bila mana Kerajaan Selangor mendapati bahawa hasil daripada pasir yang telah pun dapat kita jana, jadi di situ kita berikan pada Program Skim Mesra Usia Emas ini JOM *Shopping* sebanyak RM11.6 juta walaupun pada asalnya keinginan hanya setakat RM10 juta tetapi Alhamdulillah disebabkan sambutan yang lebih baik dan kita telah menambah sehingga hujungnya ataupun akhirnya kita telah menetapkan sebanyak RM 11.6 juta. Dan Insya-Allah program ini saya jangkakan ianya akan diteruskan sebagaimana yang dibicarakan oleh Yang Amat Berhormat tadi kalau ianya ada peruntukan baru yang kita rasakan dijana oleh pihak-pihak agensi ini, Insya-Allah kita akan teruskan. Terima kasih.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Soalan tambahan.

Y.B. TUAN SPEAKER: Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang telah menambah baik skim-skim yang ada di dalam MES. Hanya saya ingin tahu bilakah tarikh bermulanya syarat baru tersebut kerana apabila keluar berita di dalam Selangor Kini mengatakan kadar isi rumah yang telah dinaikkan daripada RM1,500.00 kepada RM3,000.00 diterbitkan maka ramai yang telah mengisi borang dan mengikut syarat-syarat tersebut. Dan mereka telah merasa begitu hampa kerana borang mereka telah ditolak kerana syarat tersebut belum dilaksanakan lagi. Jadi mohon dinyatakan ataupun dihebahkan dengan betul tarikh bermulanya syarat baru tersebut. Terima kasih.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih Taman Medan. Untuk menjawab persoalan itu, di tangan saya hanya satu jawapan yang boleh saya bagikan pada ketika ini iaitu untuk Si Kembar, kelulusan telah diberikan pada hujung ataupun 27 Ogos 2013, maknanya sesiapa yang berpendapatan RM3,000.00 ke bawah boleh dinyatakan. Tinggal lagi yang lain itu Insya-Allah saya akan kemukakan kemudian seperti IPTA dan juga Program Belia. Terima kasih.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Soalan tambahan Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Rawang ingin bertanya tentang skim-skim MES yang dikatakan telah naikkan had pendapatan dan sebagainya. Bila tarikh berkuat kuasa sebab biasanya bila diumumkan pejabat kita akan dibanjiri oleh orang awam sebab tak ada satu tarikh berkuat kuasa. Dan bila dia akan turun kepada semua agensi untuk pelaksanaan sepenuhnya.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Puan Speaker, soalan yang diulang oleh Rawang yang ditanyakan oleh Taman Medan. Sebagaimana yang saya nyatakan tadi bahawa Si Kembar telah pun dikuatkuasakan pada 27 Ogos 2013, yang IPTA, saya tidak ada data tepat di sini tentang kenaikan untuk IPTA dan belia tetapi apa yang saya tahu ia telah pun dinyatakan hasrat itu dan Insya-Allah saya akan merujuk kepada Yang Berhormat Jawatankuasa Pendidikan ataupun Yang Berhormat Selat Klang untuk memberikan jawapan yang lebih tepat.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat EXCO, saya ingin bertanya pertamanya, mengapakah kita tidak kedengaran Program MES ini kepada orang kurang upaya? Adakah kita sengaja meninggalkan mereka ataupun kerajaan mempunyai program yang khusus selepas pada ini. Kalau adapun apakah, bila akan dilaksanakan pada orang yang kurang upaya ini?

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Paya Jaras, saya akan menjawab soalan itu bila tiba pada soalan yang tepat sebab hari soalan yang dinyatakan hanya berkaitan dengan JOM *Shopping* ataupun Skim Mesra Usia Emas. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Morib.

Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN: Puan Speaker, terima kasih. Saya ingin bertanya kepada Puan EXCO, Program Si Kembar ini penerima manfaatnya hanya sekitar 400 orang daripada 2008 hingga sekarang. Antara syaratnya, antara kekangannya ialah syarat bahawa pusat tersebut mestilah berdaftar dengan JKM. Adakah ada boleh dibuat sedikit pembaharuan atau pembaikan maknanya dengan pengesahan ADUN sebagai contoh mereka yang menghantar anak kepada pusat-pusat asuhan yang tidak berdaftar ataupun asuhan yang biasa di rumah sebagai contoh boleh dipertimbangkan? Terima kasih.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Puan Speaker, untuk pengetahuan Ahli Dewan, kita tidak boleh memberikan ataupun menyerahkan anak-anak kita ini untuk dijaga pada individu yang sebenarnya tidak tahu tentang apakah hak dan penjagaan anak-anak ini perlu dilaksanakan. Sebab itu di antara syarat yang dikemukakan mestilah anak-anak ini diletakkan di institusi yang telah pun mendapat lesen Jabatan Kebajikan Masyarakat atau bagi mereka yang letak di rumah ataupun penjagaan di rumah yang tidak melebihi 9 orang yang telah mendapat juga kelulusan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Tetapi mengambil kira tentang kekangan-kekangan.

Banyak taska-taska yang di Selangor ini sama ada di rumah ataupun institusi yang tidak pun berlesen jadi Kerajaan Selangor telah pun membuatkan sesuatu pendekatan yang lebih proaktif iaitu bilamana kita mewujudkan sijil penjagaan taska di rumah yang diiktiraf oleh Selangor. Maknanya, untuk syarat awal sekali, adalah untuk memastikan bahawa mereka yang membuka taman-taman asuhan ini adalah memiliki Sijil Asuhan Kerajaan Negeri Selangor. Ianya tidaklah semestinya mempunyai sijil asuhan yang telah ditentukan oleh Jabatan Kebajikan masyarakat yang diguna pakai oleh seluruh Malaysia. Jadi, itu adalah langkah untuk memastikan ramai di antara warga Selangor yang dapat manfaat daripada skim-skim ini. Terima kasih Puan Speaker.

TUAN SPEAKER: Soalan seterusnya, Balakong.

Y.B. TUAN NG TIEN CHEE: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya nombor 14.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(BALAKONG)**

TAJUK : BANTUAN KEWANGAN KEPADA NGO

14. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah pihak Kerajaan merancang untuk memberi bantuan kewangan kepada NGO kebajikan seperti pusat jagaan OKU, rumah anak yatim dan sebagainya?

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Terima kasih kepada Y.B. Balakong. Tuan Speaker, soalnya berbunyi adakah pihak kerajaan merancang untuk memberi bantuan kewangan kepada NGO kebajikan seperti pusat jagaan OKU, rumah anak yatim dan sebagainya. Jawapannya Tuan Speaker. Kerajaan Negeri amat prihatin dengan badan-badan bukan kerajaan dan sentiasa membantu mereka dalam melaksanakan program-program kebajikan di Negeri Selangor. Buat masa sekarang, Kerajaan Negeri melalui pelbagai Jawatankuasa Tetap bersedia membantu dari segi pelaksanaan program-program yang berkaitan berdasarkan kepada permohonan yang diterima serta mengadakan program usaha sama dengan NGO yang berkaitan.

Selaras dengan visi Kerajaan Negeri yang mementingkan kebajikan rakyatnya, bantuan ini dapat disalurkan secara minimum bagi memastikan NGO di Selangor yang membuat permohonan mendapat manfaat secara sama rata oleh Kerajaan Negeri. Terima kasih.

Y.B. TUAN NG TIEN CHEE: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Ya Balakong. Terima kasih. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat EXCO. Memandangkan kebanyakan NGO menghadapi masalah kekangan kewangan dan mereka hanya dapat bantuan kewangan daripada orang awam, adakah pihak kerajaan bersedia ataupun merancang untuk memberi sumbangan kewangan

secara berkala seperti mana yang diberikan kepada Sekolah SJKC Cina dan SJKT. Terima kasih.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Terima kasih. Tuan Speaker, setakat ini diperuntukkan untuk peruntukan sebagai untuk membantu NGO adalah sebanyak RM 150,000.00 di bawah Kerajaan Prihatin. Namun bukan sahaja bantuan untuk NGO-NGO ini daripada Stanco Kerajaan Prihatin *itself* tapi memandangkan kita ada peruntukan-peruntukan di bawah EXCO dan juga ADUN-ADUN masing-masing di mana bantuan-bantuan kewangan melalui peruntukan masing-masing daripada ADUN-ADUN dan EXCO juga diguna pakai diberi sumbangan kepada sebagai sumbangan bantuan kepada NGO-NGO ini.

TUAN SPEAKER: Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Puan Speaker, soalan nombor 15.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : KESELAMATAN AWAM DAN KADAR JENAYAH

15. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah-langkah yang dilaksanakan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi mencegah dan mengurangkan kadar jenayah?
- b) Senaraikan pecahan jumlah CCTV yang dipasang menggunakan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor, yang telah dipasang mengikut pecahan PBT bagi tahun2 008-2013.
- c) Senaraikan jumlah pegawai penguat kuasa yang ditugaskan bagi tujuan membuat rondaan di kawasan untuk mencegah jenayah mengikut pecahan PBT bagi tahun2 012-2013.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Puan Speaker, langkah-langkah yang dilaksanakan di peringkat PBT bagi mencegah dan mengurangkan kadar jenayah adalah secara ringkasnya seperti berikut :

Di MBSA :

- 1) Program *Blackspot* dan *Hotspot*
- 2) Mengenal pasti *Hotspot* Jenayah Melalui Sistem Pemantauan Program Bandar Selamat (SPBS)

- 3) Projek penambahbaikan NKRA Bandar Selamat melalui Peruntukan Kerajaan Persekutuan.
- 4) Pengawalan Pembangunan melalui '*Crime Prevention Thru Design* (CPTED)
- 5) Mesyuarat Jawatankuasa Program Bandar Selamat dan Bebas Halangan MBSA (bersidang setiap bulan)
- 6) Pemantauan melalui pemasangan CCTV
- 7) Peningkatan ilmu melalui program

Dan di MPPJ, langkah-langkah yang dilaksanakan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah :

Langkah 1 : Pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan bermotor

Langkah 2 : Pelaksanaan Reka bentuk persekitaran fizikal yang selamat

Langkah 3 : Penyelidikan cermin keselamatan

Langkah 4 : Penyediaan pelan tanda peringatan jenayah

Langkah 5 : Penyediaan tempat letak motosikal berkunci

Langkah 6 : Pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di premis perniagaan dan tempat awam

Langkah 7 : Pencahayaan

Di MPK :

- a) MPK bekerjasama dengan IPD Klang Utara, Selatan dengan mengenal pasti lokasi *hotspot*
- b) Hebahan program bandar selamat melalui pameran dan risalah
- c) Pemasangan CCTV
- d) Mengadakan kerjasama dengan agensi dan masyarakat setempat dalam mengawal jenayah

Di MPSJ :

- i) Melaksanakan 5 elemen bandar selamat di kawasan Majlis Perbandaran Subang Jaya
- ii) Penyediaan lampu jalan / taman untuk elemen pencahayaan tahun 2013
- iii) Penyediaan CCTV sebanyak 174 unit dari tahun 2006 hingga 2013

Di MPAJ :Lima langkah iaitu pencahayaan, rel pengadang, cermin keselamatan, tempat letak motor berkunci dan papan tanda peringatan

MPS merancang dan melaksanakan program Bandar Selamat, Penyediaan Papan Tanda Peringatan Jenayah, Penyediaan CCTV, Pencegahan Melalui Penyediaan Kemudahan Infrastruktur Selamat, Membasmi Kawasan-kawasan berisiko.

Di Sepang, Pencahayaan, Pengasingan Laluan Pejalan Kaki dari Laluan Bermotor, Penyediaan Tempat Letak Motosikal Berkunci, Penyediaan dan Pemasangan Papan Tanda Peringatan Jenayah, Penyediaan dan Pemasangan Cermin Keselamatan.

Di MPKj sama juga di Sepang di MDKL juga sama dengan Sepang dan begitu juga di kawasan Majlis Daerah.

Keduanya, berikut adalah pecahan jumlah CCTV yang dipasang menggunakan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor, yang telah dipasang mengikut pecahan PBT bagi tahun 2008 – 2013.

PBT	Projek Kementerian	Projek Kerajaan Negeri
Di MBSA	24	50
MBPJ	24	60
MPK	16	60
MPAJ	24	Tidak Ada
MPSJ	24	50
MPS	24	50
MPKj	16	60
MPSp	30	50
MDKL	Tidak Ada	10
MDKS	Tidak Ada	8
MDHS	Tidak Ada	8
MDSB	Tidak Ada	8
JUMLAH	182	414

Berikut adalah jumlah Pegawai Penguat kuasa yang ditugaskan untuk tujuan membuat rondaan di kawasan untuk mencegah jenayah mengikut pecahan PBT bagi tahun 2012 – 2013 :

1. Di MBSA, seramai 12 orang petugas digilirkan untuk mengawal CCTV yang beroperasi selama 24 jam sehari. Hanya 3 orang petugas bagi setiap 1 syif dipertanggungjawabkan untuk mengawal CCTV.

Rondaan anggota Penguat kuasa berdasarkan aduan penduduk yang dibuat dan kawalan sekali rondaan bagi satu-satu kawasan adalah seramai lima (5) orang.

2. Di MBPJ, 8 anggota Pegawai Peronda.
3. Di MPK, 6 anggota Pegawai Peronda.
4. Di MPAJ, 27 orang Penguat kuasa dengan diketuai oleh seorang Penolong Pegawai Penguat kuasa.
5. Di MPSJ:
 - i. Zon Subang Jaya - 21 anggota
 - ii. Zon Puchong - 21 anggota
 - iii. Zon Serdang - 21 anggota

Rondaan bermula dari jam 8.30 pagi sehingga jam 11.00 malam. Rondaan mengikut jadual yang telah ditetapkan 7 hari seminggu.

6. Di MPS, rondaan hanya dilakukan atas permintaan pihak PDRM.
7. Di MPKj, tiada anggota ditugaskan untuk tujuan rondaan.
8. diMPSp, belum dilaksanakan.
9. DiMDKL, 6 anggota Pegawai Peronda.
10. Di MDHS, 5 anggota Pegawai Peronda.
11. Di MDKS, tiada anggota ditugaskan.
12. Di MDSB, 4 anggota Pegawai Peronda.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat, sekalian masa telah menunjukkan jam 11.33 pagi. Dengan ini saya menangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan urusan mesyuarat seterusnya, Rang Undang-Undang Perbekalan 2014, 2013 semua peringkat. Rang Undang-Undang ini bernama suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk perkhidmatan bagi tahun 2014 dan bagi memperuntukkan jumlah wang ini untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker, oleh sebab Rang Undang-Undang ini perlu dan mustahak untuk diluluskan pada hari ini juga, saya mencadangkan di bawah Peraturan Tetap 78, supaya ditangguhkan Peraturan Tetap 48 dan 53 bagi membolehkan Rang Undang-Undang ini dibacakan pada semua peringkat dan seterusnya diluluskan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat, yang bersetuju dengan cadangan ini. Sila kata 'Ya'. Ahli-ahli Yang Berhormat, yang tidak bersetuju, sila kata 'Tidak'. Dipersetujui.

v. UCAPAN BELANJAWAN 2014

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : *Bismillahir rahmannir rahim.* Segala puji bagi *Allah Subhanahuwataala*, selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW, keluarga dan serta sahabat baginda kesemuanya.

Sidang Dewan Yang Dihormati,

Terlebih dahulu, marilah kita memanjatkan rasa syukur yang setulusnya ke hadrat *Allah Subhanahu Wata'ala* kerana dengan izin dan limpah kurnia-NYA, saya bersama-sama rakan Yang Berhormat sekalian dapat hadir di Dewan Negeri yang mulia bagi Negeri Selangor Darul Ehsan.

Pertama sekali, bagi pihak Pakatan Rakyat Negeri Selangor, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada semua rakyat Negeri Selangor atas keyakinan tidak berbelah bahagi untuk sekali lagi memberi peluang kepada Pakatan Rakyat memikul tanggungjawab sebagai pentadbir dan pengurus aset dan sumber bagi negeri yang termaju di Malaysia ini.

Kemenangan 44 kerusi, melebihi 2/3 atau lebih tepat mencecah 80% daripada keseluruhan 56 kerusi Dewan Negeri merupakan bukti ampuh bahawa pelbagai tawaran bertujuan menjamin kebajikan, kesejahteraan dan kemakmuran seperti yang terkandung di dalam Manifesto Pakatan Rakyat Selangor bagi Pilihan raya Umum Ketiga Belas (PRU13) dengan tema "Meneruskan Kecemerlangan" telah mendapat kepercayaan rakyat. Kejayaan demi kejayaan ditempa sejak meneraju negeri. Pakatan Rakyat membuktikan keupayaan sebagai pentadbir dan peneraju kepimpinan meskipun menerima pelbagai tekanan dan rintangan daripada pihak lawan. Semua ini adalah dugaan malah dia menjadikan pembakar semangat untuk terus berusaha dengan gigih

tanpa mengenal erti jemu atau lelah demi menjadikan Selangor sebagai negeri pilihan utama di Malaysia untuk didiami, bekerja, melabur, beriadah dan membina keluarga.

Putera Raja Duduk Termenung,
Menyesal Tutar dan Laku Nan Salah,
Budimu Rakyat Setinggi Gunung,
Bakal Di balas, Dibantu Seizin Allah.

Menerusi kesinambungan agenda 'Merakyatkan Ekonomi Selangor' atau MES, Kerajaan Negeri Selangor pimpinan Pakatan Rakyat tidak akan sekali-kali mensiasikan mandat lebih dua pertiga ini dengan mengembalikan semula hak dan kepentingan milik lebih daripada 5.65 juta rakyat Selangor. Sesungguhnya mandat yang diberikan oleh rakyat merupakan satu amanah yang tidak boleh diambil lewa dan perlu dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab, bukan untuk kepentingan peribadi kerana tapi ia merupakan keutamaan kita semua.

Kedua, mewakili kepimpinan Kerajaan Negeri Selangor dan seluruh rakyat jelata yang bernaung di bawah dirgahayu Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, saya menjunjung kasih merafak sembah kepada Tuanku Sultan dengan janji taat setia dan perkenan, selari dengan sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan yang menjadi amalan di Malaysia semenjak Merdeka.

Sukacita saya ingatkan rakan-rakan pilihan rakyat di Dewan yang mulia ini saya sendiri menandatangani 'Aku Janji' yang dimeterai di antara Menteri Besar dan Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) dengan Tuanku Sultan. 'Aku Janji' ini merangkumi ikrar menjunjung prinsip-prinsip Rukun Negara, memelihara dan melindungi kesucian dan keagungan agama Islam sebagai agama rasmi negeri, mempertahankan kedaulatan Institusi Beraja dan melaksanakan segala tugas dan tanggungjawab dengan integriti yang tinggi, penuh rasa tanggungjawab, bebas gejala rasuah, intelektualisme, amanah, jujur dan ikhlas.

Saya sebagai Dato' Menteri Besar juga telah berikrar untuk memelihara hak dan keistimewaan masyarakat Melayu tanpa menafikan kepentingan sah kaum lain seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor Tahun 1959; mendahulukan rakyat selagi ia tidak menjejaskan kestabilan, kemakmuran dan keselamatan negeri, memelihara hubungan baik dengan Kerajaan Persekutuan dan negeri-negeri lain dalam Persekutuan Malaysia serta memastikan perpaduan antara kaum dengan menitikberatkan semangat muhibah dan kerjasama etnik yang erat.

Dengan penuh rasa takzim, bagi pihak seluruh rakyat jelata negeri yang bertuah ini, saya akan terus mendoakan agar Duli Yang Maha Mulia Tuanku sentiasa selamat sejahtera bersemayam dalam lindungan dan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala dengan limpahan taufik dan inayahNYA.

TINJAUAN EKONOMI DUNIA, SERANTAU DAN MALAYSIA,

Ekonomi dunia telah berkembang sangat sederhana dalam tempoh separuh pertama 2013 iaitu pada kadar purata 2.5%. Walau bagaimanapun, ekonomi global dijangka meraih momentum dalam tempoh separuh kedua 2013 dan keseluruhan tahun 2014, disokong oleh pengukuhan ekonomi berterusan di kalangan negara maju terutamanya Amerika Syarikat (AS) dan Jepun. Begitu juga tanda-tanda lebih jelas pemulihan ekonomi di Kesatuan Eropah dijangka akan banyak membantu memperteguh pertumbuhan ekonomi negara membangun secara keseluruhannya dengan unjuran 5% bagi 2014.

Namun, kita tidak boleh leka kerana masih terdapat pelbagai risiko yang boleh menjejaskan pertumbuhan ekonomi global dalam jangka masa terdekat dan sederhana termasuk kemungkinan 'defisit berkembar' iaitu kedudukan fiskal dan akaun semasa secara serentak bagi negara Amerika dan Eropah sekiranya pelonggaran kuantitatif atau "*quantitative easing*" di Amerika berakhir dan kemudiannya menyusul dasar monetari global lebih ketat. Ini mungkin mengakibatkan:

1. Kenaikan kos khidmat bayar hutang khususnya bagi negara-negara yang mempunyai hutang awam yang tinggi;
2. Penyusutan permintaan Domestik;
3. Ketidaktentuan bajet Amerika Syarikat dan kemungkinan siling hutang awam dinaikkan;
4. Kelemahan sistem kewangan di luar Eropah masih belum diatasi;
5. Kadar pertumbuhan yang lebih rendah bagi ekonomi global khususnya di kalangan penyerap import utama seperti China dan beberapa negeri Asia yang lain; serta
6. Ketidaktentuan geopolitik yang berlarutan terutamanya di rantau Timur Tengah dan Afrika Utara.

Sebagai sebuah ekonomi yang sangat terbuka, tidak menghairankanlah jika eksport kasar Malaysia menguncup 3.8% dalam separuh pertama 2013, sekali gus mengakibatkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) kurang bertenaga pada kadar purata 4.2% dan dalam tempoh yang sama dan berdasarkan petunjuk ekonomi utama yang terkini bagi suku ketiga 2013, berbanding 5.6% pada 2012. Oleh itu, ekonomi Malaysia diunjurkan berkembang di antara 4.5% dan 5.0% pada tahun 2013 dan dijangka meningkat sedikit pada 5.0% pada 2014.

Tinjauan Ekonomi Negeri Selangor : Menyumbang hampir 25% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar negara Malaysia, ekonomi negeri Selangor dijangka berkembang pada kadar 6.2% pada tahun 2013, lebih perlahan berbanding 7.1% yang dicapai pada tahun 2012. Unjuran pertumbuhan perlahan ini adalah berdasarkan kelesuan beberapa petunjuk makro utama dan prestasi sederhana bagi statistik beberapa sektor ekonomi

di samping tiga suku tahun yang pertama pada tahun 2013. Walau bagaimanapun, momentum ekonomi negeri Selangor dijangka tidak banyak berubah pada tahun 2014 berbanding tahun 2013 dengan unjuran pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar ialah pada kadar 6.1%.

Sektor pertanian diunjurkan tumbuh lebih perlahan pada tahun 2013 pada kadar 5.2% berbanding 5.5% pada tahun sebelumnya. Namun, subsektor seperti ternakan, kelapa sawit, perikanan dan pertanian lain dijangka akan terus menyumbang kepada sektor pertanian secara keseluruhan, lantas mendorong unjuran pertumbuhan pada kadar 5.1% bagi tahun 2014.

Sektor perlombongan dan pengkuarian pula dijangka kekal sebagai peneraju pertumbuhan di kalangan semua sektor ekonomi dengan kadar unjuran 18% bagi tahun 2013 dan 12.5% bagi tahun 2014.

Subsektor perumahan terutamanya kos rendah dan pertengahan serta projek infrastruktur dijangka akan terus menjana pertumbuhan dwi-digit bagi sektor ketiga terbesar negeri Selangor, sektor pembinaan dengan unjuran 10.3% bagi tahun 2013 tetapi sedikit perlahan pada kadar 9.3% bagi tahun 2014.

Prestasi sektor kedua terbesar bagi negeri Selangor iaitu sektor pembuatan dijangka memuaskan dengan unjuran pertumbuhan 5.5% dan 5.51%, masing-masing bagi tahun 2013 dan 2014..

Manakala bagi sektor ekonomi terbesar negeri Selangor iaitu sektor perkhidmatan pula, pertumbuhan diunjurkan pada kadar 6.0% dan 6.1% masing-masing bagi tahun 2013 dan 2014, yang dijangka akan dipacu oleh hampir kesemua subsektor iaitu perkhidmatan kerajaan 8.1%, kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan 7.0%; perdagangan borong dan runcit, kediaman dan restoran 5.0%, dan utiliti, pengangkutan dan komunikasi 5.7%.

Imbasan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Kerajaan Persekutuan Dan Kerajaan Negeri Selangor: Pada awal bulan Oktober 2013, Laporan Ketua Audit Negara 2012 telah dibentangkan di Parlimen Malaysia. Saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan sekalung tahniah kepada Jabatan Audit Negara atas ketekunan, kegigihan dan kesabaran mereka yang bertungkus-lumus menyiapkan satu laporan lengkap yang memberi gambaran sebenar mengenai pentadbiran secara umum, pengurusan kewangan, pematuhan peraturan dan undang-undang, prestasi keseluruhan berbanding objektif dan matlamat, penyelenggaraan aset awam serta aktiviti kementerian, jabatan, agensi dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) baik di peringkat Kerajaan Persekutuan mahu pun negeri tanpa rasa takut atau memihak.

Saya yakin rakyat Malaysia khususnya di Selangor bijak menilai perbandingan keutamaan dan nilai di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor sebagaimana yang terkandung di dalam Laporan Ketua Audit Negara 2012. tatkala pelbagai kepincangan dan amalan berunsur korup yang menyebabkan ketirisan dan

pembaziran dianggarkan bernilai di antara RM28 bilion dan RM40 bilion masih menjadi mercu tanda Laporan Audit bagi Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Selangor memandang serius mana-mana teguran dan syor penambahbaikan dan mengambil tindakan yang sewajarnya pada kadar segera. Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Pakatan Rakyat berpendapat ketirisan dan pembaziran seumpama ini adalah satu bentuk pengkhianatan dan kecurangan di mana rakyat Malaysia perlu bangkit dan menentang.

Sebagai contoh, Laporan Ketua Audit Negara bagi negeri Selangor ada menyentuh kelemahan pentadbiran kewangan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri sedang berusaha mengambil alih semua kos prasarana kolej dan universiti milik negeri Selangor agar pentadbiran universiti dan kolej tidak dibebankan dengan kos infrastruktur tetapi hanya perlu mengurus kos operasi harian supaya institusi terbabit dapat menumpukan perhatian kepada penambahbaikan mutu pendidikan dan pembelajaran.

Strategi Belanjawan: Sorotan Perbandingan Ringkas Belanjawan Alternatif 2014 dan Bajet Nasional 2014. Sebagai sebuah negeri yang ditadbir oleh Pakatan Rakyat, sudah pasti Selangor sentiasa mendukung agenda perubahan bersandarkan reformasi ekonomi, struktural, institusi, politik, sosial dan undang-undang yang diperjuangkan Pakatan Rakyat selama ini ialah meningkatkan daya saing dan merungkai potensi sebenar Malaysia ke arah negara maju, berpendapatan tinggi dalam erti kata sebenar. Belanjawan Alternatif yang ditawarkan oleh Pakatan Rakyat di peringkat nasional merupakan salah satu daripada dokumen kerangka dasar bersama yang mencerminkan agenda reformasi ini.

Belanjawan Alternatif 2014 menekankan prinsip asas belanjawan dengan usaha mengetengahkan konsep percukaian yang lebih progresif, lebih mudah dan bertanggungjawab serta pelbagai mekanisme yang boleh menjamin disiplin fiskal. Sebaliknya, Belanjawan Barisan Nasional 2014 terlalu fokus terhadap *Goods and Services Tax* (GST) untuk mempelbagaikan pendapatan kerajaan walhal terdapat kaedah penjana pendapatan lain yang masih belum diterokai.

Pakatan Rakyat yakin jika cadangan langkah-langkah konsolidasi fiskal dilaksanakan bermula 2014, Malaysia mampu mencapai belanjawan berimbang menjelang 2017 atau selewat-selewatnya pada 2018. Barisan Nasional pula menyasarkan belanjawan berimbang menjelang 2020 meskipun dengan pelaksanaan GST.

Ia demikian kerana prinsip asas Belanjawan Barisan Nasional tidak cuba menangani masalah kos apabila hanya subsidi dan perbelanjaan pembangunan yang menjadi mangsa pengurangan sedangkan komponen lain dalam perbelanjaan mengurus diunjurkan terus melonjak. Jauh sekali mengambil iktibar dari laporan Ketua Audit Negara dengan terperinci memberi butiran ketirisan dan pembaziran.

Belanjawan Negeri Selangor 2014 Dan Imbasan Pencapaian Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) : Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Sepanjang lebih lima tahun kita mentadbir, banyak yang telah kita perhatikan, menilai dan mempelajari. Antaranya adalah kelebihan amalan berbelanja dengan penuh berdisiplin dan berhemah yang membolehkan kita menabung untuk perbelanjaan masa hadapan. Budaya menabung ini sangat penting lebih-lebih lagi apabila Kerajaan Negeri tiada sebarang justifikasi membentangkan belanjawan defisit tanpa kapasiti untuk meminjam dari mana-mana institusi kewangan. Jauh sekali untuk mengemis dan meminta sedekah daripada Kerajaan Persekutuan untuk menampung perbelanjaan pentadbir negeri sendiri. Itulah di antara sebab utama mengapa saya amat tekankan betapa perlunya kita menyimpan rizab pada paras yang selesa secara lestari.

Biar luntur baju di badan
Usah tuan merasa gundah
Demi rakyat ikrar kuberikan
Membujur lalu melintang patah.

Saya amat berharap agar anjakan paradigma dalam pengurusan kewangan dan fiskal yang dipelopori oleh sekarang ini dapat menjadi teladan bukan sahaja di negeri-negeri lain malah kerajaan persekutuan apatah lagi pada awalan bicara tadi saya gariskan betapa ekonomi dunia masih dihambat berbagai tidak ketentuan dan risiko momentum pertumbuhan yang perlahan. Dalam usaha kita ini kita memperkenalkan amalan menyemak belanjawan negeri setiap enam bulan. Kerajaan Negeri sebenarnya telah memulakan konsep semakan berkala; iaitu apabila Perbendaharaan Negeri digesa membuat imbangan penyata kewangan pada setiap hujung bulan. Dengan ini cara kita memantau keseimbangan antara Perbelanjaan dan Pendapatan negeri agar kita tidak berbelanja di luar kemampuan sehingga mengakibatkan defisit.

Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Pada pendapat saya belanjawan berpaksi kepada tiga tunjang utama iaitu;

- (i) Pendapatan atau hasil,
- (ii) Perbelanjaan,
- (iii) Rizab atau simpanan.

Secara asasnya pendapatan negeri diperolehi daripada Hasil Kutipan Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Perbelanjaan itu terbahagi kepada dua komponen iaitu Perbelanjaan Mengurus dan Perbelanjaan Pembangunan manakala rizab adalah simpanan sama ada dalam bentuk Tunai mahupun dalam bentuk Aset Pelaburan.

Izinkan saya tegaskan di Dewan yang mulia ini bahawa prinsip yang membawa yang mendasari pengurusan fiskal negeri Selangor adalah Belanjawan Berimbang iaitu setiap perbelanjaan akan ditanggung sepenuhnya oleh kutipan hasil. Selain daripada itu kita pastikan nisbah perbelanjaan pembangunan tidak melebihi 30% akan melebihi 30% dari perbelanjaan keseluruhan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, unjuran Keseluruhan Hasil Negeri Selangor bagi 2014 ialah bernilai RM 1,800 juta (RM 1.8 bilion) iaitu atau 31% adalah daripada Hasil Cukai, 57% daripada Hasil Bukan Cukai dan 10.58% dalam bentuk Terimaan Buka Hasil.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan bahawa setakat 31 Oktober 2013 Kumpulan Wang Yang Disatukan Negeri Selangor berbentuk rizab ataupun wang tunai dan pelaburan sudah melebihi RM 2,700 juta. Jumlah ini menandakan rizab negeri berada paras yang tertinggi yang pernah dicapai dalam sejarah Negeri Selangor sejak tahun 1998.

Mungkin kerana kurang arif mengenai selok-belok pengurusan kewangan dan fiskal maka wujud suara-suara yang mengancam atau paling tidak merungut tentang kecenderungan Kerajaan Negeri mengumpul rizab. Saya ingin tegaskan di sini bahawa pembinaan rizab berserta perbelanjaan berhemah mengikut konsep keutamaan yang betul merupakan paksi disiplin fiskal dan sebahagian daripada rangka pengurusan kewangan dan fiskal jangka panjang.

Saya oleh sebab itulah saya amat berbesar hati membentangkan Belanjawan Berimbang Negeri Selangor 2014 dengan tema "Belanjawan Berhemat dan Berimpak Tinggi, Maslahat Rakyat".

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

Belanjawan Negeri Selangor 2014 berpaksikan kepada 5 teras utama.

- (i) Memperkasa Pengurusan Fiskal yang Pragmatik, Berhemat dan Berdaya Maju,
- (ii) Memperkukuh Keberkesanan dan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam dan Swasta,
- (iii) Memperteguh Dasar Pro-Pertumbuhan,
- (iv) Mempertingkatkan Kesejahteraan Rakyat dan Memastikan Mutu Kehidupan Bertaraf Dunia
- (v) Memastikan Pembangunan yang Mampan dan Inklusif.

Saya ingin mengumumkan di Dewan yang mulia ini dan keseluruhan Negeri Selangor yang diperuntukkan bagi tahun 2014 ialah RM 1.8 bilion iaitu perbelanjaan yang terbesar dalam sejarah negeri Selangor. RM 1.2 bilion atau 66.2% disediakan bagi Perbelanjaan Mengurus yang terdiri daripada Perbelanjaan Bekalan sebanyak RM 1.1 bilion dan Perbelanjaan Tanggungan sebanyak RM118 juta.

Agihan lebih terperinci dalam unjuran Perbelanjaan Mengurus adalah disertakan termasuk Perkhidmatan Bekalan sebanyak RM 421 juta. Perbelanjaan Pembangunan pula dijangka menerima peruntukan sebanyak RM 624 juta atau 33.78% daripada perbelanjaan keseluruhannya. Dan infrastruktur merupakan kumpulan terbesar dengan peruntukan RM388.7 juta. Bagi sektor Infrastruktur diterajui oleh Kemudahan Awam

sebanyak RM 357 juta ataupun 91.91% diikuti dengan Sains, Teknologi dan Inovasi sebanyak RM 22.9 juta dan Perumahan sebanyak RM 8.49 juta.

Benefisiari utama bagi peruntukan sektor Sosial ialah Program-program Merakyatkan Ekonomi Selangor sebanyak RM 77.8 juta, Pendidikan sebanyak RM 26.3 juta dan sebanyak RM 8.86 juta untuk Modal Insan, Sukan RM 8 juta, Kampung Baru RM 5 juta, Belia RM 3.5 juta.

Bagi sektor Ekonomi pula, Kewangan akan menerima peruntukan terbesar sebanyak RM 51.6 juta diikuti oleh Pertanian sebanyak RM 17.5 juta, Pembangunan Usahawan RM 7.8 juta, Pelancongan sebanyak RM 5.4 juta, Sumber Alam sebanyak RM 3.6 juta, Kajian dan Penyelidikan RM 2.8 juta, Pelaburan sebanyak RM 1.6 juta.

Sejumlah 84.36% atau RM 2.2 juta daripada peruntukan sektor Perbandaran dinikmati oleh Kerajaan Tempatan yang selebihnya akan dibelanjakan sebanyak RM 400,000 akan dibelanjakan untuk Pengurusan Sisa Pepejal di Pulau Ketam. Di sini, sukacita saya ingatkan bahawa pendapatan kesemua 12 Pihak Berkuasa Tempatan yang di luar daripada belanjawan ini mencecah RM 1.72 bilion pada tahun 2012, lebih daripada cukup untuk menampung keseluruhan perbelanjaannya berjumlah RM 1.5 bilion bersamaan dengan lebih operasi sebanyak RM 183.2 juta.

Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Bagi Belanjawan 2014 juga saya dengan sukacitanya mengumumkan rancangan penggunaan Rizab Negeri berjumlah RM 430 juta bagi membiayai pembangunan enam inisiatif berikut :-

- (i) RM 150 juta bagi pembinaan Jambatan Ketiga Kelang
- (ii) RM 100 juta bagi pembinaan rumah mampu milik
- (iii) RM 50 juta bagi pembinaan beberapa bangunan sekolah
- (iv) RM 50 juta bagi pembangunan usahawan dan pemerkasaaan belia
- (v) RM 50 juta bagi pembangunan desa
- (vi) RM 30 juta bagi pemberdayaan wanita

Dengan penggunaan rizab bagi perbelanjaan pembangunan maka Kerajaan Negeri Selangor bersedia untuk membelanjakan sebanyak RM 2.28 bilion pada tahun 2014. Dari RM 2.28 bilion ini sejumlah RM 1.225 bilion adalah peruntukan bagi Perbelanjaan Mengurus dan sebanyak 53.7% manakala selebihnya RM 1.055 bilion adalah untuk Perbelanjaan Pembangunan yakni 46.3% dari jumlah keseluruhan yang akan dibelanjakan.

Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian,

Kerajaan Negeri mengambil pendekatan Belanjawan Berasaskan Hasil atau dengan izin *Outcome-Based Budgeting* (OBB) dan Belanjawan Berasaskan Pencapaian atau *Performance-Based Budgeting* (PBB) bagi memperkukuh penyediaan, pembangunan dan pengurusan belanjawan. Pendekatan ini adalah untuk memastikan peruntukan

yang disediakan berasaskan kepada jangkaan keputusan atau perbelanjaan yang diselaraskan dengan satu set keutamaan dan Petunjuk Prestasi utama (*Key Performance Indicator*) yang mengambil kira pulangan atau manfaat kepada rakyat.

Dengan metodologi belanjawan ini seluruh proses dan kitaran belanjawan dijangka lebih berorientasikan dasar, lengkap dengan objektif dasar dan hasil yang ingin dicapai serta kos yang ditanggung untuk melaksanakan dasar tersebut. Contohnya program atau projek jangka panjang yang mengambil masa yang lama untuk disempurnakan dapat dilanjutkan menerusi belanjawan tahunan '*rolling*' yang merangkumi modal, inisiatif dan aktiviti yang diperlukan bagi mencapai hasil atau objektif program seperti yang ditentukan.

Kerajaan Negeri akan melaksanakan penilaian dan semakan perbelanjaan pertengahan tahun, sejajar dengan *standard* amalan global serta prinsip-prinsip Belanjawan Berasaskan Hasil dan Belanjawan Berasaskan Pencapaian. Sememangnya, semenjak Pakatan Rakyat mengambil alih pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2008, akaun pengurusan dibentangkan kepada Dato' Menteri Besar setiap empat bulan menerusi Jawatankuasa Tetap Kewangan. Sesungguhnya penilaian pertengahan tahun ini akan mengukuhkan lagi ketelusan dan kredibiliti pentadbir awam, lantas menandakan suatu anjakan paradigma dalam budaya dan struktur belanjawan yang jelas berbeza dari Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

Apabila budaya berasaskan prinsip-prinsip ketelusan, bertanggungjawab dan integriti dapat disemai dengan jayanya, ia akan meningkat kecekapan dan keberkesanan dasar-dasar dan sistem pentadbiran kerajaan dalam semua bentuk. Idea pokoknya adalah untuk membolehkan segala perkara diambil kira dan dihitung bagi mengurangkan risiko amalan rasuah dan sogokan. Saya yakin sekiranya pendekatan ini diterima pakai dalam pengurusan fiskal sejak dulu, nescaya rakyat Selangor hari ini akan mempunyai maklumat mengenai hasil jualan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya dan kepada Kerajaan Persekutuan atau perincian lain, keupayaan memantau keseluruhan proses jualan dan ke mana hasil ini yang telah dibelanjakan. Sekarang kita tidak tahu dengan penguasaan kuasa konsep, pengurusan fiskal seumpama ini dalam sistem pentadbiran negeri rakyat tidak perlu merasa kluatir dan gusar mengenai keputusan pilihan raya kerana sesiapa sahaja yang diberi mandat untuk mentadbir dan mewarisi satu kerangka dan infrastruktur pengurusan kewangan dan fiskal yang sihat dan berdaya tahan.

Tempe, puding, rojak dan putu,
Makanan rakyat negeri harmoni,
Masyarakat berdisiplin perpaduan jitu,
Penanda aras Selangorku kini.

Memandangkan rakyat Selangor merupa penyumbang terbesar dari segi kutipan cukai Negara, saya mengambil kesempatan ini menyeru agar Kerajaan Persekutuan bersikap profesional, telus dan bertanggungjawab dalam pengurusan kewangan dan fiskal Negara. Agihan kutipan hasil cukai hendaklah dilakukan secara adil dan setimpal

dengan sumbangan negeri sejak Mac 2008. Sejak Mac 2008, Selangor tidak mendapat agihan peruntukan secara terus yang setimpal dengan sumbangan rakyat negeri ini. Lebih malang lagi apabila sejumlah dana awam tidak disalurkan kepada negeri tetapi diperuntukkan melalui Unit Pelaksanaan dan Penyelarasan (ICU) Unit Perdana Menteri kepada mereka yang tiada mandat mentadbir negeri antaranya calon-calon pilihan raya Barisan Nasional yang kalah, hatta Ketua-ketua Bahagian UMNO perlu sedar bahawa tindakan sebagai bukan sahaja atau perkara ini menjadi pengkhianatan kepada rakyat Selangor malah dia merugikan semua pihak termasuk Barisan Nasional sendiri di mana rakyat Selangor semakin nekad untuk menghukum UMNO dan Barisan Nasional pada Pilihan raya Umum Ke-14 nanti.

Analisa terhadap tiga (3) aspek utama belanjawan iaitu pendapatan, perbelanjaan dan rizab atau simpanan terkumpul adalah asas dan merupakan kecekapan dan keberkesanan pengurusan kewangan dan fiskal Kerajaan Negeri. Bahkan memastikan belanjawan berimbang dan kemudiannya pengumpulan rizab bukan sahaja amat sukar untuk dilakukan malah ia sangat penting dan satu keperluan mendesak memandangkan beberapa kekangan yang ditempuh oleh Kerajaan Negeri dalam usahanya untuk meraih dan mengumpul dana.

Oleh itu apabila sahaja rizab negeri mencapai tahap lebih dari mencukupi atau lebih baik, melebihi perbelanjaan dengan beberapa kali ganda barulah kita dapat memastikan rizab itu digunakan dengan menyalurkan kepada program-program produktif terutama perbelanjaan pembangunan yang mempunyai kesan gandaan tinggi untuk tempoh yang lama dan impak positif langsung kepada rakyat.

Sejajar dengan amalan disiplin pengurusan kewangan, semua perincian mengenai penggunaan rizab dan perbelanjaan yang menggunakan rizab mestilah dibentangkan dan mendapat perhatian Dewan Negeri. Dalam usaha menyemai tradisi dan budaya pengurusan kewangan dan fiskal yang unggul di negeri ini, saya mencadangkan supaya ditubuhkan sebuah Jawatankuasa Bertindak Bebas yang dianggotai oleh golongan profesional dalam bidang berkaitan untuk mengelakkan percanggahan kepentingan dan diberi kuasa dan keistimewaan dengan matlamat :

- (a) mengkaji kos perolehan perbekalan dan perkhidmatan;
- (b) mencari mekanisme untuk mengawal dan mungkin juga akhirnya memotong perbelanjaan yang tidak perlu atau bertindih termasuk kaedah mengelak kemungkinan berlaku perbelanjaan berlebihan.
- (c) menyelesaikan karenah birokrasi bagi pelbagai perkara lain yang berkaitan dengan kos dan perbelanjaan.

Saya ingin mencadangkan konsep belanjawan berpenyertaan ataupun *participatory budgeting* di perhebatkan lagi. Tumpuan khusus ialah kepada syor bagi peruntukan dana awam dan cara ianya dibelanjakan. Ini secara tidak langsung akan memberi peluang kepada rakyat untuk mengenal pasti keutamaan perbelanjaan dan bersama-

sama memperhalusi cadangan-cadangan perbelanjaan yang bermanfaat dan rakyat dan negeri ini.

TERAS II: MEMPERKUKUH, KEBERKESANAN DAN KECEKAPAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM DAN SWASTA.

Sepanjang lima tahun pentadbiran Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Pakatan Rakyat, rukun mengenai ketelusan, kebertanggungjawaban dan integriti merupakan antara nilai sejagat utama yang ingin diterapkan dalam sistem pentadbiran negeri. Iltizam ini telah terbukti apabila Rang Undang-Undang Pindaan Kebebasan Maklumat diluluskan oleh Dewan Negeri dengan matlamat memberi orang awam akses kepada maklumat berkaitan Kerajaan Negeri, pengisytiharan harta oleh Menteri Besar dan setiap Ahli Majlis Kerajaan Negeri, (EXCO) dan penubuhan Jawatankuasa Khas bagi kecekapan Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (SELCAT).

Dalam Manifesto bertemakan “Meneruskan Kecemerlangan” bagi PRU13, Pakatan Rakyat Selangor turut mengulangi ikrar untuk menawarkan sebuah pentadbiran yang bersih, cekap dan bertanggungjawab. Justeru itu bermula dengan Belanjawan 2014, Kerajaan Negeri komited untuk memberi penekanan terhadap prinsip keberkesanan dan kecekapan dalam segala aspek demi meneruskan agenda kecemerlangan bagi masalah rakyat.

Sebagai langkah permulaan, Kerajaan Negeri bercadang untuk memberi tumpuan kepada segala aspek berkenaan pentadbiran awam negeri, pihak berkuasa tempatan (PBT) serta agensi syarikat berkaitan kerajaan (GLC) demi mengekang karenah birokrasi, mengurangkan ketirisan dan pembaziran dana dan membasmi rasuah, meningkatkan pulangan kepada negeri serta menjamin penyampaian perkhidmatan awam dan swasta yang inovatif, proaktif berpaksikan keperluan pelanggan dan selaras dengan standard dan amalan yang terbaik antarabangsa.

Perkhidmatan Awam

Sejak mengambil tampuk pemerintahan Negeri Selangor pada tahun 2008, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan satu budaya, kerja baharu dengan kerjasama penjawat awam dan seluruh kepimpinan iaitu di peringkat daerah, mukim, kampung dan bagan dalam usaha mengurus secara proaktif, aspirasi keperluan rakyat agar perkhidmatan yang menepati kehendak ramai dapat diberikan pada kos yang berpatutan tanpa mengabaikan kualiti.

Kerajaan Negeri telah menganjurkan Program Dialog Belanjawan dan Dialog Manifesto setiap tahun baik di peringkat negeri mahu pun di peringkat pihak berkuasa tempatan dengan tujuan mendengar serta mendapat input dan maklum balas secara langsung dari akar umbi bertepatan dengan agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor. Dengan cara ini kita dapat pastikan segala keputusan pentadbiran termasuk peruntukan dan prinsip yang mendasari belanjawan negeri mengambil kira aspirasi dan kepentingan semua warga di negeri ini.

Selain itu, salah satu usaha yang sedang diusahakan ialah membawa pejabat kepada rakyat di mana menjadi impian Kerajaan Negeri agar tidak akan ada lagi barisan panjang di kaunter-kaunter jabatan kerajaan dan agensi-agensi. Dengan inisiatif ini rakyat Selangor boleh memilih sama ada nak berurusan secara *online* atau menghadiri program Hari Bertemu Pelanggan yang diatur berhampiran keijiranan mereka.

Untuk tujuan tersebut, Kerajaan Negeri telah mendigitalkan segala dokumentasi Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTG) agar ia dapat diakses secara *online* dengan pantas. Langkah seterusnya ialah memperluaskan usaha tersebut kepada Pejabat Daerah masing-masing di samping membina satu jaringan pusat menggabungkan Pejabat Tanah Daerah, Pejabat Tanah dan Galian Selangor, Pejabat Setiausaha Kerajaan dan pejabat syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC) agar maklumat *realtime* dapat dikongsi secara *online* supaya keputusan strategik dapat dibuat dengan lebih baik.

Kerajaan Negeri juga akan terus berusaha untuk memastikan penjawat awam di negeri Selangor bersikap *profesional*, telus, bertanggungjawab, berintegriti pada setiap masa. Adalah menjadi hasrat jangka panjang Kerajaan Negeri agar penjawat awam secara beransur-ansur dapat menerima konsep kenaikan gaji dan pemberian bonus berdasarkan kecemerlangan prestasi berasaskan kecekapan dan keberkesanan, selari dengan standard dan amalan terbaik antarabangsa.

Semua ini adalah sebahagian daripada usaha berterusan Kerajaan Negeri untuk menyediakan persekitaran kondusif bagi pemboleh dan fasilitator ke arah pembentukan ekonomi dan masyarakat dinamik, berdaya saing dan berdaya tahan tinggi.

Pihak Berkuasa Tempatan Dan Ahli Majlis

Pihak Berkuasa Tempatan sebenarnya memainkan peranan yang sangat penting dalam menentukan kejayaan sebuah Kerajaan Negeri. Ini memandangkan Pihak Berkuasa Tempatan adalah agensi yang berurusan secara langsung dengan masyarakat dan rakyat, malah terdapat banyak ruang untuk memperbaiki pengurusan dan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan melalui kemajuan teknologi terkini di samping pemahaman yang lebih baik terhadap aspirasi dan keperluan rakyat. Sebagai contoh, sekiranya disiplin pengurusan kewangan dan pentadbiran di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan diamalkan dan jika kita dapat mensasarkan penjimatan perbelanjaan tahunan sebanyak 20%. Justeru itu berdasarkan jumlah pendapatan kesemua dua belas Pihak Berkuasa Tempatan pada tahun 2012 iaitu melebihi RM1,720 juta kita akan dapat menghasilkan penjimatan melebihi RM300 juta. Berikut ialah langkah-langkah yang boleh dilaksanakan untuk meningkatkan keberkesanan kecekapan Pihak Berkuasa Tempatan.

- (a) Memperhebatkan operasi khidmat pelanggan yang *professional* dengan penubuhan dan pemerkasaan *call centre* berpusat bagi memberi, menerima dan menjawab segala aduan yang untuk tindakan serta pihak

berkenaan di samping mengukur tahap keberkesanan dan kecekapan perkhidmatan yang diberikan.

- (b) Menjadi lebih proaktif dengan fokus kepada inisiatif, pencegahan dalam kerja-kerja penyelenggaraan agar kos tinggi membaik pulih atau gantian dapat dikurangkan dan tidak menunggu hingga berlakunya krisis. Ini melibatkan pengurusan efektif peralatan, bangunan, harta-harta, jalan-jalan sebagaimana termasuk cerun-cerun bukit.
- (c) Memanfaatkan faedah ekonomi *shop skill* atau pembelian secara pukal di mana beberapa PBT boleh bergabung untuk mendapatkan bekalan dan perkhidmatan secara pukal pada harga yang lebih rendah dan efektif.
- (d) Menyemak kadar atau tarif lesen dan permit perniagaan agar nilainya sepadan dengan pulangan komersil yang dinikmati oleh pengusaha-pengusaha perniagaan.
- (e) Mengurus dan merancang pembinaan dan penggunaan harta awam agar memberi manfaat kepada rakyat setempat.
- (f) Mengurangkan dan seterusnya membatalkan segala bentuk acara pelancaran dan penganugerahan di hotel-hotel mewah serta lawatan sambil belajar ke luar negara sekiranya hanyalah sebaliknya menggunakan, menggalakkan program aktiviti dianjurkan di premis milikan Pihak Berkuasa Tempatan kerana dia lebih praktikal dan menjimatkan.

Agensi dan syarikat yang berkaitan kerajaan negeri. Berbagai usaha dilakukan untuk memastikan agensi dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) diurus tadbir dengan telus, berhemah, cekap serta bebas dari rasuah dan salah guna kuasa. Antaranya semua syarikat telah diarah melaksanakan:

- (a) Program *Corporate Integrity Place* disamping menandatangani *Integrity Pack* dengan pihak *Transparency International Malaysia*. Aku janji yang sama juga dipanjangkan kepada pihak pembekal dan kontraktor bagi pra syarat sebelum dibenarkan menyertai sebarang proses tender yang ditawarkan oleh agensi dan syarikat negeri di mana pihak pembekal dan kontraktor bersetuju antara lain untuk mematuhi segala peraturan dan undang-undang dan tidak akan memberi rasuah kepada kakitangan agensi dan syarikat negeri dalam apa bentuk pun.
- (b) Mematuhi segala tema-tema kontrak dan melaporkan kepada pihak berkuasa sebarang unsur rasuah. Di samping itu kerajaan juga, negeri juga menyokong dasar melindungi pemberi maklumat bagi mengelakkan, bagi menggalakkan kakitangan kerajaan, agensi dan syarikat negeri melaporkan kepada pihak berkuasa sebarang salah laku kewangan atau amalan berunsur rasuah. Sebagai lanjutan bagi penambahbaikan agensi

dan syarikat berkaitan kerajaan negeri. Mereka digalakkan mengambil langkah-langkah tersebut. Menubuhkan unit pengurusan dan penambahbaikan di peringkat agensi atau syarikat untuk mempertimbangkan mekanisma terbaik. Menyusun semula organisasi dengan menyemak peranan masing-masing dalam pembangunan negeri. Menyemak semua struktur organisasi dalam memberi tumpuan dalam pembahagian fungsi struktur profil jawatan dan spesifikasi jawatan yang jelas.

- (c) Membatalkan semua *power of attorney* kepada pihak ke tiga untuk memastikan agar aset agensi dan syarikat negeri tidak tergadai.
- (d) Mengkaji semua sebarang perjanjian konsesi atau usaha sama terutama yang merugikan agensi dan syarikat negeri dan jika perlu membatalkannya.
- (e) Menambah baik proses perolehan termasuk berurusan terus dengan pembekal perkhidmatan atau pembuat barangan dan memperkenalkan konsep perjanjian harga di mana tempahan dapat dibuat terus tanpa mengulangi proses sebut harga memandangkan harga yang itu telah dikunci pada untuk tempoh-tempoh tertentu.
- (f) Menyemak semula dasar dan seterusnya mengurangkan khidmat perunding agen atau sub kontraktor sebaliknya berusaha untuk membina kepakaran dalaman agar tidak bergantung dengan pihak luar.

Satu jawatankuasa bertindak, jawatankuasa bertindak berkuasa tinggi, jawatankuasa penambahbaikan pentadbiran agensi negeri dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) akan ditubuhkan dan diketuai oleh Dato' Menteri Besar dan dianggotai oleh Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Kanan Kerajaan, tokoh korporat, ahli akademik, tokoh masyarakat dan badan bukan kerajaan yang dipilih berdasarkan kriteria yang diputuskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor. Sekretariat jawatankuasa ini diletak di bawah MBI, Unit Perancang Ekonomi Negeri dan Perbendaharaan Negeri Selangor untuk memberi cadangan penambahbaikan, pemerksaan antara lain jawatankuasa itu:-

- (a) Menyemak semua segala aspek berkaitan dengan proses, prosidur, sistem modal insan, jentera pentadbiran awam, agensi dan syarikat berkaitan kerajaan agar boleh diselaraskan dengan standard dan amalan terbaik antarabangsa.
- (b) Memantau segala aspek pelaksanaan dasar dan strategi seperti yang diputuskan demi memastikan keberkesanan, kecekapan dan penyampaian khidmat perkhidmatan awam dan swasta.

- (c) Menggariskan mekanisma kerjasama antara kerajaan pusat, kerajaan negeri, pentadbiran awam, agensi dan GLC dan pihak swasta demi meningkatkan daya saing, jangka panjang dan pertumbuhan ekonomi mampan bagi negeri Selangor.

Saudara, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Semenjak 2008 sehingga 2013 pelaburan bernilai 23.5 ribu bilion telah diluluskan bagi negeri Selangor jauh meninggalkan pejabat terdekat Sarawak dengan 48.3 bilion, Johor 44.18 bilion dan Pulau Pinang 38.19 bilion. Justeru Selangor menguasai hampir 20% daripada pelaburan modal di Malaysia menerusi 1,560 projek atau pun 33.1 daripada bilangan keseluruhan projek mendapat kelulusan di Malaysia. Malahan Selangor telah mencipta 133,275 pekerjaan atau pun 27.2% daripada peluang kerja keseluruhannya. Dalam tempoh yang sama pelaburan asing masih mendahului pelaburan domestik dengan nisbah 52.5 dan 47.5 di Selangor. Meski pun dalam tempoh lapan bulan 2013 Selangor jatuh ke tempat ke tiga selepas Johor dan Sarawak dari segi jumlah pelaburan yang diluluskan. Namun dari segi bilangan projek, Selangor masih unggul dengan 140 projek dengan penyumbang 10,208 pekerjaan. Dalam tempoh tersebut pelabur domestik seolah-olah mendapat suntikan semangat baru apabila pelaburan domestik menguasai 67.2% dari pelaburan modal keseluruhan negeri Selangor. Anak Syarikat Pelaburan Kerajaan Negeri Selangor, *State Investment Centre (SSIC)* telah mengenal pasti beberapa industri fokus baru dalam sektor perkhidmatan, pembuatan dan pertanian untuk diberi tumpuan dalam strategi menarik minat pelabur pada masa hadapan. Antara industri ialah E & E berteknologi tinggi dan berasaskan pengetahuan. Industri makanan bio teknologi, teknologi hijau, *pharmaceutical*, penjagaan kesihatan, peranti dan alat kelengkapan pembuatan, logistik, pelancongan dan automotif. Pada tahun 2014 peruntukan perbelanjaan pembangunan bernilai 1.6 juta disediakan khusus untuk pelaburan sejumlah 2.5 juta bagi kajian dan penyelidikan termasuk pelaksanaan pelan induk dan penyelidikan dan pembangunan ekonomi. Kerajaan negeri sedia maklum mengenai potensi dan sumbangan industri pelancongan. Justeru kerajaan negeri telah mengenal pasti berapa *kluster* pelancongan yang akan diberi tumpuan khusus dalam usaha merungkai nilai dan memanfaatkan sepenuhnya potensi industri pelancongan. Tourism Malaysia mensasarkan 28 juta pelancong asing ke bumi Malaysia sempena Tahun Melawat Malaysia 2014. Manakala Tourism Selangor Sdn. Bhd., menjangkakan seramai 6.5 juta orang atau 6.8 juta pelawat asing dan tempatan akan mengunjungi Selangor masing-masing pada tahun 2015. Dari segi pendapatan negeri Selangor diunjurkan menerima sebanyak 4.56 ribu juta dan 4.77 ribu juta masing-masing bagi tahun 2014 dan 2015. Bagi tahun 2014 kerajaan negeri menyediakan peruntukan berjumlah 5.2 juta khusus untuk pelancongan termasuk promosi dan acara pelancongan. Belanjawan 2014 akan juga meneruskan pelaksanaan agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor bermula dengan 7 inisiatif program. Merakyatkan ekonomi Negeri Selangor kemudiannya ditambah secara berperingkat-peringkat mengikut keperluan atau prinsip hasil negeri untuk rakyat dapat di optimalkan sehinggakan mempunyai 17 inisiatif hari ini. Sejak Mei 2008 sehingga 31 Ogos 2013 kerajaan negeri telah membelanjakan sejumlah 954,807,698.08 untuk agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor.

Bagi tahun 2014 sejumlah RM 77.85 juta telah diperuntukkan untuk pelaksanaan agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor. Kerajaan Negeri pimpinan Pakatan Rakyat juga mengambil peluang memperuntukkan sejumlah RM 269.5 juta dalam belanjawan 2014 untuk melaksanakan pelbagai tawaran yang diumumkan dalam manifesto meneruskan kecemerlangan bagi Pilihan Raya yang Ke 13. Teras ekonomi rakyat merupakan benefisiari terbesar dengan peruntukan RM 154.4 juta diikuti dengan persaudaraan rakyat dengan RM 69.5 juta yang terakhir kesejahteraan rakyat dengan RM 45.55 juta. Kerajaan negeri ingin mengulangi peri pentingnya air sebagai salah satu aset paling utama untuk milik rakyat Selangor yang telah diswastakan oleh Barisan Nasional demi kepentingan kroni-kroni. Secara peribadi saya ingin merakamkan rasa kesal kerana Kerajaan Persekutuan tidak rasa rendah diri untuk mengakui hakikat bahawa penswastan industri air dan penyerahan konsesi kepada empat syarikat terpilih semasa Selangor di bawah pemerintahan Barisan Nasional merupakan satu penganiayaan dan pengkhianatan kepada pengguna air di Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya dan khususnya rakyat Selangor. Maka penstrukturan semula industri air di Selangor salah satu daripada tawaran yang terkandung dalam manifesto meneruskan kecemerlangan adalah sangat mustahak bagi membolehkan pemberian subsidi 20 meter padu air percuma selama paling tidak kurang 10 tahun yang akan datang dan menjamin harga air berpatutan pada volum atau pun penggunaan yang seterusnya. Setakat ini kerajaan Negeri kekal dengan tawaran bernilai RM 9,650 juta untuk mengambil alih dan mengurus sepenuhnya ke semua empat syarikat konsesi bekalan air iaitu Syarikat Pengeluaran Air Selangor (SPLASH), anak syarikat Kumpulan Gamuda. Dua anak Syarikat Puncak Niaga Holding, Puncak Niaga (M) Sdn. Bhd. Dan Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) serta Konsortium Abass Sdn. Bhd., yang telah dibuat pada Februari 2013. Surat rasmi dari Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air sebagai wakil Kerajaan Persekutuan bertarikh 9 September 2013 menunjukkan tanda-tanda kesepakatan di antara kerajaan Negeri dan kerajaan Persekutuan serta komitmen untuk mencapai penyelesaian segera bagi isu bekalan air di Selangor demi kesejahteraan dan kesenangan rakyat selaras dengan Akta Industri Perkhidmatan Air (WSIA) 2006.

Namun, sekali pun rundingan tentang nilai dan kaedah pembayaran dimuktamadkan selewat-lewatnya menjelang 31 Disember 2013, proses pengambilalihan mungkin memerlukan tiga hingga enam bulan untuk selesai. Kerajaan Persekutuan akan kekal sebagai pemegang saham emas dalam *new company* syarikat baru yang terbentuk selepas pergabungan syarikat-syarikat berkaitan air manakala para pekerja sedia ada tidak akan diberhentikan dan boleh bekerja di bawah pentadbiran korporat yang baharu. Kerajaan Negeri komited untuk terus berusaha sebaik mungkin membetulkan kepincangan pentadbiran kesilapan pengurusan dan salah laku kewangan oleh kerajaan pimpinan Barisan Nasional sebelum ini serta dosa yang dilakukan ke atas rakyat Selangor. Sebagai mana saya umumkan dalam Sidang Dewan dahulu kerajaan negeri bercadang menggunakan dana dari rizab negeri untuk melaksanakan projek pembinaan jambatan ketiga Kelang sepanjang dua kilometer termasuk jalan penghubung dengan enam lorong bagi mengatasi kesesakan lalu lintas. Jambatan yang sedia ada digunakan lebih 200 ribu kenderaan. Berbekalkan peruntukan 2014 sebanyak RM150 juta dari rizab negeri. Sukacita saya maklumkan bahawa proses awal

pembinaan telah pun bermula dengan pembukaan tender kepada umum tidak lama lagi. Selanjutnya dalam usaha berterusan mengatasi masalah kesesakan dan lalu lintas terutama di kawasan bandar kerajaan Negeri telah mengumumkan penubuhan Majlis Pengangkutan Awam Selangor, *Selangor Public Transport Council* agar pelan tindakan Negeri boleh dilaksanakan tanpa banyak tentangan dari kerajaan Persekutuan. Sebagai langkah permulaan Majlis Pengangkutan Awam Selangor telah selesai menjalankan dua kaji selidik mengenai corak penggunaan pengangkutan awam ke tempat-tempat kerja di kalangan kakitangan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Bangunan Darul Ehsan. Hasil kajian selidik ini sukacita saya maklumkan kerajaan Negeri sedang memperhalusi cadangan untuk memberi rebet atau sebarang inisiatif lain kepada kakitangan kerajaan yang menggunakan pengangkutan awam untuk ke bangunan-bangunan tersebut. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk merayu agar agensi dan syarikat Negeri serta syarikat-syarikat swasta yang lain mempertimbangkan memberi faedah yang sama kepada kakitangan masing-masing demi mengurangkan lagi penggunaan kenderaan persendirian sekali gus kesan karbon sejajar dengan matlamat memelihara alam sekitar. Sehubungan dengan itu agar tidak ada rakyat Selangor yang ketinggalan dalam arus kemajuan pesat ini hingga terpaksa hidup merempat dan begelandangan, Kerajaan Negeri sangat serius dalam usaha memastikan wujudnya tempat kediaman pada harga atau kadar sewa yang berpatutan sebagaimana yang terkandung dalam Manifesto Meneruskan Kecemerlangan. Bagi tahun 2014, kerajaan memperuntukkan RM1 juta untuk melaksanakan dasar Perumahan Mampu Milik Berkualiti di samping RM2 juta untuk projek Perumahan Rakyat dan RM2.4 juta untuk penyelenggaraan atau pun penambahbaikan Rumah Awam Kos Rendah. Ini tidak termasuk peruntukan khas RM100 juta untuk pembinaan Rumah Mampu Milik yang menggunakan dana rizab negeri. Kerajaan Negeri juga sangat menitikberatkan soal pendidikan meski pun pendidikan sebenarnya merupakan salah satu perkara dalam senarai bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Tetapi bagi tahun 2014, sejumlah RM26 juta, RM7.8 juta dan RM 200,000 ribu diperuntukkan untuk pembangunan pendidikan Modal Insan dan Pusat Latihan. Perbelanjaan Pendidikan merangkumi RM16 juta dengan bantuan kepada Sekolah-sekolah Agama, Cina dan Tamil, RM5 juta bagi pendidikan secara umum, RM 2 juta untuk Program Pendidikan Tinggi dan Program Kemahiran Teknikal RM 1 juta, dan Tabung Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang. Ini belum diamalkan sejumlah, ini belum diambil kira sejumlah RM50 juta yang diperuntukkan dari rizab negeri bagi tahun ini, tahun 2014 untuk membina beberapa buah bangunan, sekolah seperti yang diumumkan tadi.

TUAN SPEAKER : Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, boleh berhenti minum air dahulu. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, oleh kerana urusan Dewan ini masih belum selesai, maka Dewan pada hari ini perlu disambung. Saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk membawakan usul.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut:

“ Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 Dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah dilanjutkan sehingga selesai Ucapan Bajet. “

(Dewan Ketawa).

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapatkan persetujuan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul ini dipersetujui. Baiklah. Boleh teruskan. Sila.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih, saya ingat dalam masa yang singkat kita.. Selangor memastikan pembangunan Mampan dan inklusif. Terdapat 645,136 perusahaan kecil dan sederhana PKS di Malaysia. Menurut bancian SME pada 2011 di antara mana di mana lebih 25% beroperasi di Selangor, Kuala Lumpur, Johor dan Perak. Memandangkan Perusahaan Kecil dan Sederhana mewakili 97.3% dari kesemua entiti perniagaan di Malaysia. Kerajaan Negeri sedar, peri pentingnya menumpukan perhatian kepada pembangunan perusahaan kecil dan sederhana yang semakin pantas berkembang menjadi sebuah segmen berdaya saing dan berdaya tahan tinggi dalam ekonomi Malaysia. Belanjawan 2014 memperuntukkan sebanyak RM2.2 juta bagi mencapai pembangunan keusahawanan secara mampan khususnya dalam bentuk dana Industri Kampung, pembangunan usahawan secara am, program peningkatan pembungkusan produk, promosi perusahaan kecil dan sederhana dan latihan keusahawanan. Ini tidak termasuk sejumlah RM 50 juta dan diperuntukkan khas dari rizab negeri bagi tujuan pembangunan usahawan dan pemerkasaaan belia. Selangor juga amat bertuah kerana ianya secara relatif merupakan negeri muda dengan potensi produktiviti yang besar dari segi ekonomi dan tenaga kerja. Oleh itu bagi memperhebatkan lagi peranan belia dalam pembangunan ekonomi Negeri, Belanjawan 2014 memperuntukkan sebanyak RM11.5 juta bagi pembangunan Belia dan Sukan yang terdiri dari RM3.5 juta bagi projek pembangunan Belia, RM 7.2 juta bagi pembangunan Sukan dan secara am serta RM800 ribu untuk mengiktiraf infrastruktur dan menaik taraf infrastruktur dan fasiliti sukan.

Sebagai penghargaan atas jasa wanita dalam pemantapan institusi kekeluargaan dan sumbangan mereka yang tidak ternilai kepada pembangunan ekonomi negeri secara keseluruhan, Kerajaan Pakatan Rakyat Selangor memperuntukkan dalam Belanjawan 2014 sejumlah RM1.3 juta bagi Agenda Pemberdayaan Wanita dan Keluarga termasuk Pusat Wanita Berdaya dan kempen-kempen kesedaran mengenai keganasan rumah tangga, portal wanita dan E-BU, dan kempen Wanita Selangor Sihat, program pemberdayaan ekonomi wanita, konvensyen kepimpinan wanita, kursus kemahiran jangka pendek dan sebagainya. Di samping itu, Kerajaan Negeri juga menyediakan dana rizab sebanyak RM30 juta sebagai perbelanjaan pembangunan bagi 2014 khusus untuk melaksanakan program Menjana dan Meningkatkan Pendapatan Wanita sebagai kesinambungan bagi Agenda Pemberdayaan Wanita.

Kerajaan Negeri juga tidak akan sekali-kali mengabaikan keperluan warga desa malah akan terus berusaha mencari jalan sebagaimana untuk meningkatkan taraf hidup di desa agar tidak ketinggalan berbanding dengan arus kemajuan bandar. Justeru, Belanjawan 2014 memperuntukkan sejumlah RM23.7 juta bagi pembangunan luar bandar di mana RM14.5 juta khusus untuk pembangunan kampung seperti program pembangunan ekonomi nelayan, petani dan penternak, program Pembasmian Kemiskinan dan Pembangunan Ekonomi Kampung Tradisi serta RM9 juta untuk Projek Ekonomi Kecil seperti kemudahan asas desa, aktiviti pembangunan kampung, pembangunan kampung baharu, penyelenggaraan jalan kampung dan infrastruktur luar bandar yang lain. Pada tahun 2014, pembangunan desa juga bakal menerima manfaat daripada peruntukan tambahan sebanyak RM50 juta lagi daripada penggunaan rizab negeri sekali gus melonjakkan perbelanjaan keseluruhan kepada RM73.5 juta.

Sebagai sebuah kerajaan yang mesra rakyat dan prihatin terutamanya dari segi memelihara kebajikan am rakyat serta bantuan kepada persatuan-persatuan komuniti dan pertubuhan bukan kerajaan yang lain, sejumlah RM45.12 juta dan RM1.15 juta disediakan dalam belanjawan 2014 masing-masing bagi agenda perkhidmatan masyarakat khususnya peruntukan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli Dewan Undangan Negeri, Ahli Parlimen, Ahli Dewan negara, ketua kampung, pengerusi JKKK dan ketua komuniti serta untuk program Kerajaan Prihatin.

Sejajar dengan agenda masyarakat penyayang, Kerajaan Negeri prihatin terhadap kesejahteraan dan kebajikan Orang Kelainan Upaya, Orang Asal, penjawat awam berpendapatan rendah dan golongan minoriti lain dalam masyarakat. Justeru, Belanjawan 2014 memperuntukkan sejumlah RM7.8 juta bagi pembangunan insan, hal ehwal kepenggunaan dan program kebajikan khusus untuk golongan kurang bernasib baik dan terpinggir. Ada pantun;

Rajin membaca kitab dan buku,
Ilmu dimanfaatkan juga dibahagi,
Warga emas, ibu tunggal dan OKU,
Sentiasa dibantu dan disayangi.

Bagi memastikan pembangunan mampan dan lestari yang tidak menjejaskan kestabilan ekosistem, biodiversiti negeri terutamanya untuk generasi akan datang, peruntukan sebanyak RM5.5 juta disediakan dalam Belanjawan 2014 untuk melaksanakan agenda pemuliharaan pelan sekitar dan sumber alam termasuk peruntukan bagi Jabatan Perhutanan Negeri Selangor.

Untuk membina karakter dan memberi jiwa kepada negeri termaju di Malaysia dari segi pembangunan fizikal dan infrastruktur di samping memperkayakan aset negeri dengan sejarah dan warisan turun temurun, saya dengan ini berbesar hati mengumumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Belanjawan 2014 memperuntukkan sejumlah RM3.05 juta bagi program kebudayaan, kesenian dan warisan yang terdiri daripada

RM500,000 untuk aktiviti dan acara kebudayaan dan kesenian serta RM2.55 juta bagi Adat Melayu dan Warisan semua kaum di Selangor.

Penutup, Tuan Speaker dan sidang Dewan yang dimulikan. Insya-Allah, kesemua lima teras dalam belanjawan kali ini yang telah saya huraikan dengan terperinci dapat mengukuhkan lagi pembangunan ekonomi dan menaikkan taraf hidup rakyat negeri Selangor. Setelah sekian lama negeri ini memacu pertumbuhan ekonomi negara, Selangor akan terus berusaha supaya kekal sebagai penanda aras untuk dicontohi oleh negeri-negeri lain.

Dalam Belanjawan 2014, Selangor meneruskan tradisi pengurusan kewangan dan fiskal yang pragmatik, berhemat, telus dan bertanggungjawab. Tradisi sebegini perlu sentiasa dipupuk dan dipelihara agar generasi akan datang dapat mewarisi satu sistem pengurusan dan pentadbiran yang merangkumi dan holistik untuk pembangunan ekonomi yang lebih mampan.

Pak Samad sasterawan keramat,
Hak asasi rakyat antara karyanya,
Amalan berhemat wajar disemat,
Pemimpin bijak rakyat bahagia.

Dengan tradisi ini, setiap perbelanjaan boleh dipertanggungjawabkan dan sekali gus mengurangkan risiko berlakunya amalan rasuah atau sogokan. Rasuah melemahkan kecekapan dan keberkesanan pentadbiran, merencat pertumbuhan ekonomi, menafikan kesaksamaan peluang, mengancam keharmonian negara dan kesejahteraan rakyat serta memberi kesan negatif kepada proses demokrasi. Gejala rasuah yang berleluasa memasung keyakinan rakyat terhadap institusi awam, meningkatkan kos urus niaga secara umum serta melemahkan penyampaian perkhidmatan awam dan swasta.

Dalam pengurusan dana dan aset awam, gejala rasuah hanya akan mengurangkan hasil pendapatan dan mengakibatkan perbelanjaan yang kita lakukan tidak berkesan untuk menjana pertumbuhan ekonomi, mencipta peluang pekerjaan jauh sekali untuk mewujudkan kemaslahatan sosial. Justeru itu, amat penting bagi Kerajaan Negeri Selangor sekarang untuk merangka pelan tindakan strategik dengan langkah-langkah yang sesuai dan berkesan bagi mencegah dan memerangi rasuah dalam pentadbiran dan sistem secara keseluruhan.

Dalam hubungan ini, setelah bermenung beberapa ketika dan lantas memahami serta mengakui bahawa tangga gaji yang tidak setara dengan beban dan tanggungjawab berat yang perlu dipikul oleh semua Ahli Dewan Negeri dan apatah lagi Selangor mempunyai penduduk yang paling ramai di Malaysia; iaitu melebihi 5.65 juta orang. Saya ingin mencadangkan agar satu kajian skim gaji baru, pencen, gratuiti dan elaun bagi Speaker, Timbalan Speaker dan Ahli Dewan Negeri Selangor dijalankan dan sebarang kenaikan akan diluluskan oleh Dewan dan hanya saya minta iaitu kuantum

kenaikan hendaklah tidak melebihi dari 75% daripada apa yang dinikmati oleh Ahli Dewan Undangan Negeri Sarawak sejak bulan Mei lalu.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat, demikianlah pembentangan Belanjawan 2014 Negeri Selangor Darul Ehsan.

Hanyasanya keikhlasan,
Kesungguhan dan amanah,
Dijadikan sandaran.

Dalam usaha menggalas amanah rakyat berbilang kaum dan agama di Selangor, sebagai sebuah "*Baldatun, tayyibatun, warrabbatul ghaffur*". Surah Saba', ayat 15 iaitu;

"Negerimu adalah negeri yang baik dan nyaman sedang Tuhanmu adalah Tuhan Yang Maha Pengampun".

Saya mohon kepada Allah Rabbul Jalil agar kita semua diberikan petunjuk dan pertolongan, kekuatan dan kesetiaan bagi memberikan dan melaksanakan keadilan kepada rakyat. Tuan Speaker, saya dengan ini mohon mencadang. Terima kasih.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan ini telah pun disokong. Bersesuaian dengan Peraturan Tetap 66(2), sesudah dibacakan Rang Undang-undang Perbekalan Kali yang Kedua, perbahasan hendaklah ditangguhkan tidak kurang daripada satu jam. Oleh itu, perbahasan ini ditangguhkan dan Dewan akan disambung semula pada 20 November 2013, jam 10.00pagi.

[Dewan ditangguhkan pada jam 1.15 tengah hari]